

IMAM AL-BUKHARI TOKOH ULAMA HADIS

Tajuk

Imam Al-Bukhari Tokoh Ulama Hadis

Dr. Taqiyuddin Al-Nadawi Al-Madzahiri

Penterjemah
Haji Jainal Sakiban Al-Jauhari

Cetakan Pertama: 2010M / 1431H
Cetakan Kedua: 2010M / 1431H

Hakcipta terpelihara.

ISBN 978-983-43884-8-5

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin daripada pihak penerbit iaitu
Majlis Agama Islam Negeri Johor

Ditashih oleh
Lujnah Pentashid Penerbitan Agama
Majlis Agama Islam Negeri Johor

Diterbitkan oleh:
Jabatan Mufti Johor
Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar,
Karung Berkunci 725,
80990 Johor Bahru.

Dicetak oleh:
Master Gifts Sdn Bhd
019-7777662

DR. TAQIYUDDIN AL-NADAWI AL-MADZAHIRI

الإمام البخاري

إمام الحفاظ والمحدثين

**IMAM AL-BUKHARI
TOKOH ULAMA
HADIS**

Penterjemah
Haji Jainal Sakiban Al-Jauhari

**KATA-KATA ALUAN
S.S. MUFTI NEGERI JOHOR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ.

Saya bersyukur kehadiran Allah SWT kerana diberikan berpeluang untuk merakamkan sepatah dua kata dalam buku Imam Al-Bukhari Tokoh Ulama Hadis.

Ketokohan Imam Al-Bukhari dalam kitabnya Al-Jami' Al-Sohih tidak dapat disangkal oleh sesiapaupun sama ada tokoh-tokoh ulama dulu hingga sekarang, kerana kehebatan dan keunggulan kitabnya dari segi ulama pertama pengumpul hadis-hadis sohih, isi kandungan, susunan, pendekatan yang digunakan, penilaian perawi yang meyakinkan, persoalan yang dikemukakan, hujah yang diberikan, huraian yang disajikan sehingga kitab ini menjadi rujukan yang unggul dalam bidang hadis yang tidak ada tolok bandingnya.

Sejarah, syahsiah dan latar belakang Imam Al-bukhari dapat diketengahkan dalam buku ini untuk tatapan masyarakat Islam yang semakin jauh pengetahuannya mengenai tokoh-tokoh Islam terkemuka khasnya dalam bidang hadis yang menjadi sumber rujukan kedua selepas Al-Quran.

Penghargaan kepada Tuan Haji Jainal Sakiban Al-Jauhari yang dapat menyediakan sejarah Imam Al-Bukhari sempana dengan pementasan Teater Imam Al-Bukhari.

Semoga buku ini dapat memberikan maklumat kepada masyarakat mengenai Imam Al-Bukhari melalui kitab hadisnya Al-Jami' Al-Sohih yang biasa disebut dengan nama Sohih Bukhari.

Sekian

(DATO' HAJI M. TAHRIR BIN DATO' HAJI SAMSUDIN)

Mufti Negeri Johor

Jabatan Mufti Johor

20 September 2010

INTISARI

➤ Latar belakang zaman Imam Al-Bukhari	7
➤ Ketuurunannya	10
➤ Kelahiran dan perkembangannya	11
➤ Kecekapannya	-
➤ Pengembaraan menuntut ilmu	13
➤ Pengembaraan di zaman para sahabat	14
➤ Pengembaraan mencari ilmu pada kurun ke-2 dan ke-3 Hijrah	18
➤ Mengembara ke Al-Haramain	20
➤ Pengembaraannya ke merata tempat	21
➤ Hubungannya dengan Imam Ahmad Hanbal	22
➤ Gurunya	23
➤ Muridnya	25
➤ Kehebatan hafazannya	27
➤ Ujian di Samarkand	29
➤ Ujian di Baghdad	-
➤ Pengajiannya di Basrah	31
➤ Pengiktirafan ulama sezaman tentang hafazan dan sanjungan terhadapnya	32
➤ Fahaman ilmu fikahnya	35
➤ Penelitiannya yang tajam mengenai kecacatan hadis	37
➤ Ketelitiannya dalam membuat penilaian	38
➤ Keprihatinannya tentang hadis	39
➤ Jihadnya mencari hadis	40
➤ Sifatnya	-
➤ Zuhud dan waraknya	41
➤ Kegemarannya membaca Al-Quran	42
➤ Penghormatannya terhadap Al-Quran	-
➤ Adab sopannya yang baik di masjid	43
➤ Kecekapannya Memanah	-
➤ Difitnah	44
➤ Kembali ke Bukhara	47
➤ Kewafatannya	49
➤ Kedudukan yang hebat tentang Imam Al-Bukhari	51
➤ Pujian Imam Al-Nawawi terhadapnya	52
➤ Kitab karangannya	53
➤ Beberapa istilah hadis	54
➤ Rujukan	61



IMAM AL-BUKHARI

Latar Belakang Zaman Imam Al-Bukhari

Imam Al-Bukhari ialah salah seorang tokoh ulama yang hidup pada awal kurun ketiga Hijriah. Beliau dilahirkan selepas solat Jumaat pada 13 Syawal tahun 194 Hijriah di Bukhara Khurasan dan wafat pada tahun 256 Hijriah. Dunia Islam ketika itu diperintah oleh Kerajaan Abasiyah dan Baghdad merupakan ibu kota pemerintahannya.

Ketika beliau dilahirkan, Kerajaan Abasiyah sedang berada dikemuncaknya. Khalifah Al-Rasyid yang mangkat pada tahun 193 Hijriah, telah meninggalkan pemerintahan dalam keadaan yang amat baik dan stabil dari segi kekuatan ekonomi, kepimpinan negara, kehebatan pembangunan dan kemajuan dalam semua bidang kehidupan. Keadaan ini berterusan pada zaman pemerintahan anak-anak Khalifah Al-Rasyid iaitu Khalifah Al-Amin, Al-Ma'mun, Al-Mu'tashim dan anaknya Al-Wathiq; sekalipun pernah berlaku peperangan antara dua bersaudara iaitu Al-Amin dan Al-ma'mun dan juga berlaku pemberontakan ke atas pemerintahannya pada zaman itu. Bukti kekuatan pemerintahan ketika itu ialah berlakunya peperangan (Umuriyah) yang dipimpin oleh Al-Mu'tasim di mana kejayaan ini dinamakan dengan 'Fath al-Futuh'.

Dengan kemangkatan Al-Wathiq pada tahun 232 Hijriah, maka berakhirilah kekuatan Kerajaan Abasiyah. Semenjak dari tarikh itu, pemerintahan Abasiyah mulai goyah, berlaku penindasan, kekuatan pemerintahan semakin lemah dan negeri-negeri di bawah pemerintahannya mula menuntut hak otonomi sendiri.

Imam Al-Bukhari pula hidup pada zaman berikutnya iaitu pada zaman pemerintahan Al-Mutawakkil 'Alallah, Al-Muntashir Billah, Al-Musta'in Billah, Al-Mu'taz Billah, Al-Muhtadi Billah dan Al-Mu'tamid 'Alallah. Pada zaman pemerintahan terakhir inilah Imam Al-Bukhari wafat. Pada ketika itu, umat Islam kehilangan seorang tokoh dari kalangan tokoh-tokoh Islam yang unggul dan terkenal.

Sepanjang kehidupan Imam Al-Bukhari, politik pemerintahan pada ketika itu berada di dalam pergolakan. Pergolakan ini bermula dalam keadaan kuat kemudian bertukar menjadi lemah. Pada zaman ini, perkembangan ilmu pengetahuan adalah meluas dan ilmu-ilmu pengetahuan Islam berkembang pesat sehingga melahirkan pelbagai bidang ilmu pengetahuan di dunia Islam khususnya di Baghdad sebagai kota ilmu.

Berkembangnya mazhab fikah yang empat telah menjadi ikutan kepada kebanyakan masyarakat Islam. Dari sini bermulalah perkembangan ilmu Al-Quran khususnya Ilmu Tafsir. Banyak kitab-kitab dikarang seperti Sirah Nabawi, Sejarah dan Perawi hadis. Ilmu-ilmu ini telah disusun untuk meningkatkan kefahaman tentang Al-Quran, selain daripada penyerapan budaya asing ke dalam masyarakat Islam ia telah menjadi pendorong yang kuat pada zaman Khalifah Al-Ma'mun untuk menterjemahkan buku-buku asing ke bahasa Arab.

Pada zaman Imam Al-Bukhari, ilmu hadis telah mencapai kemuncak perkembangannya. Ini kerana beliau merupakan peneraju bagi penyusunan hadis-hadis sohih dalam satu kitab yang khusus yang diasingkan daripada hadis-hadis yang lain. Sebelum itu, terdapat beberapa kitab

hadis yang penting telah disusun, antaranya Kitab Muatta' oleh Imam Malik, Musnad oleh Imam Ahmad, Musannif oleh Abdul Razak dan lain-lain lagi. Hadis-hadis yang pelbagai ini telah dihimpunkan di dalam sebuah kitab. Namun, semasa Imam Al-Bukhari, beliau telah mengumpulkan di dalam sebuah kitab yang khusus hadis-hadis sohih sahaja (diakui betul ketulian dan kesohihannya).

Pada zaman itu, terdapat ramai ulama-ulama yang menghafal hadis (*Huffaz*), begitu juga peminat-peminat hadis. Oleh itu, ramai tokoh-tokoh hadis terkenal telah muncul seperti Ahmad bin Hanbal, Ali bin Al-Madini, Imam Muslim, Al-Tirmizi, An-Nasa'i, Ibnu Majah, Abu Daud, Abi Khatim, Abi Zar'ah Al-Raziyyin, Ishak bin Rahawih dan lain-lain lagi.

Pada zaman ini juga, dunia tidak sunyi daripada peristiwa yang menjejaskan persekitaran ilmu dan para ulama itu sendiri. Masalah utama yang timbul ketika itu adanya pendapat yang mengatakan bahawa 'Al-Quran itu makhluk'. Perkara ini telah dibangkitkan oleh golongan Mu'tazilah (golongan yang tergelincir dari fahaman yang sebenar) dan mereka telah dapat mempengaruhi Khalifah Ma'mun dan Al-Mu'tasim. Perkara ini telah menyebabkan ramai para ulama ditindas dengan pelbagai tekanan dan bala bencana sehingga dilepaskan oleh Allah dengan berkat ketabahan, kekuatan dan kebijaksanaan Imam Ahmad bin Hanbal ra. menangani masalah tersebut.

Inilah gambaran ringkas zaman kehidupan Imam Al-Bukhari. Penerangan yang telah diberikan ini bertujuan untuk memberikan gambaran mengenai zaman kehidupan beliau terutama sekali dalam lapangan politik dan keilmuan.

Keturunannya



Nama beliau ialah Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin Al-Mughirah bin Bardizbah Al-Ja'fi.¹ Datuk beliau yang bernama Bardizbah ialah seorang yang berbangsa Parsi. Dia menjadi pengikut agama kaumnya dan wafat dalam agama Majusi. Anak lelakinya Al-Mughirah memeluk Islam melalui Al-Yaman al-Ja'fi (ketua satu kabilah dari Yaman iaitu Ja'fi bin Sa'ad al-'Asyirah) seorang pemimpin di Bukhara² maka dinisbahkan kepadanya sebagai ikutan, justeru itu nasabnya disebut Al-Ja'fi.

Adapun datuknya Ibrahim tidak dapat dikesan latar belakangnya. Manakala bapanya Ismail merupakan seorang ulama terkenal yang pernah belajar daripada Hammad bin Zaid dan Imam Malik. Orang-orang Iraq banyak meriwayatkan hadis daripada beliau. Kenyataan ini disebutkan oleh Ibn Hibban dalam pengenalan (Kitab Al-Thiqat) dan Imam Al-Bukhari dalam pengenalan kitab (At-Tarikh Al-Kabir); bapanya merupakan seorang yang alim, warak dan takwa. Oleh itu, Imam Al-Bukhari lahir dari keluarga seorang yang alim, kuat pegangan agama dan seorang yang warak, justeru itu tidak hairanlah jika sekiranya Imam Al-Bukhari menjadi seorang yang terkenal kerana mewarisi syahsiah bapanya.

¹ Bardizbah; Maknanya mengikut bahasa Parsi (Iran) ialah petani. Perkataan ini; dibariskan atas ba'nya, dimatikan ra, dibariskan bawah dalnya dan dimatikan zainya. inilah penjelasan yang masyhur.

² Bukhara: Merupakan ibu kota yang paling besar di kawasan Wara' an-nahr. Jaraknya dengan Samarkand ialah perjalanan lapan hari iaitu di daerah Turkistan Barat. Daerah ini sekarang dan Bandar Samarkand, Farghanah dan Thosyknad adalah di bawah jajahan Rusia. Nama Bukhara ini dinisbahkan kepada Imam Al-Bukhari.

Kelahiran Dan Perkembangannya



Ahli sejarah telah bersepakat bahawa Imam Al-Bukhari dilahirkan selepas solat Jumaat pada 13 Syawal tahun 194 Hijriah di Perkampungan Bukhara.

Bapanya telah wafat semasa beliau masih kecil, beliau dipelihara oleh ibunya dengan sebaik-baik peliharaan. Peninggalan harta bapanya yang banyak telah dapat membesarkan beliau menjadi seorang yang mulia dan menjadi anak yang solih. Semenjak kecil lagi beliau mendapat pertolongan Allah kerana diriwayatkan bahawa Imam Al-Bukhari semasa kecilnya telah mengalami buta matanya, ibunya telah bermimpi berjumpa dengan Nabi Ibrahim as, lalu berkata kepadanya: Wahai si ibu, Allah telah mengembalikan penglihatan anakmu kerana banyaknya anda berdoa, lalu Allah pulihkan penglihatannya, si ibu begitu gembira sekali dengan peristiwa tersebut.

Kecekapannya



Kecekapan beliau telah dikesan semenjak kecil lagi melalui penulisan. Allah SWT telah mengurniakan kepada beliau hati yang bersinar, kuat hafalan, pemikiran yang tajam, dipandu dan dibimbing serta diilhamkan menjadi seorang penghafaz hadis.

Kehebatannya mula menonjol ketika berumur sepuluh tahun. Kemudian beliau berguru dengan ramai ulama pada zamannya dan tokoh-tokoh di kampung halamannya. Pembelajaran ini ditambah dengan perbincangan dan membuat kajian. Ketika berumur enam belas tahun, beliau telah hafaz banyak kitab-kitab tokoh ulama terkenal; dan juga

telah mempelajari pendapat ahli-ahli falsafah, asas dan pegangan mereka.

Al-Firabri menjelaskan, beliau mendengar Muhammad bin Abi Hatim – Pencatat Rekod Imam Al-Bukhari – mengatakan yang beliau mendengar Imam Al-Bukhari berkata:

Saya diilhamkan untuk menghafaz hadis semasa masih kecil lagi. Al-Firabri bertanya, berapa umurmu ketika itu? Katanya: semasa itu saya baru berumur sepuluh tahun. Kemudian saya keluar dari sekolah selepas berumur sepuluh tahun.

Ketika umurnya sepuluh tahun ini, Imam Al-Bukhari telah berbeza pendapat dengan beberapa orang ulama terkenal di kampung halamannya dalam persoalan hadis. Pada suatu hari telah dibacakan sebuah hadis di hadapan orang ramai: Daripada Sufian daripada Abi Al-Zubair daripada Ibrahim, ketika itu beliau mencelah: Abu Al-Zubair tidak meriwayatkan hadis daripada Ibrahim, lalu beliau diherdik oleh salah seorang ulama yang ada di situ; kemudian beliau menjelaskan kepada mereka: Sila rujuk kepada teks yang asal sekiranya kamu ada bukti, maka salah seorang (ulamak di kampungnya) itu pun menoleh pada beliau lalu bertanya: Bagaimana pendapat kamu wahai budak? Beliau menjawab: Zubair itu sebenarnya ialah Ibn ‘Adiy daripada Ibrahim, lalu ulama itu mengambil pensil dan membetulkan notanya. Selepas peristiwa itu, orang ramai pun bertanya kepada beliau: Berapa tahun umurmu ketika kamu membuat teguran itu? Beliau menjawab: Umurku lebih kurang sebelas tahun. Tambah beliau lagi: Apabila umurku enam belas tahun aku telah hafaz kitab Ibn Mubarak dan Waqi; dan aku telah mengetahui pendapat ahli-ahli falsafah dari kalangan mereka. Selepas peristiwa itu, saya bersama ibu dan abangku pergi menunaikan fardu haji ke Mekah Al-Mukaramah.

Pengembaraan Menuntut Ilmu



Imam Al-Bukhari telah menetap di kampung halamannya di Bukhara sehingga berumur enam belas tahun. Selepas itu barulah beliau berangkat keluar negara menuntut ilmu. Bermula dengan menunaikan haji ke Baitullah al-Haram bersama ibu dan abangnya Ahmad, kemudian abangnya balik ke Bukhara dan wafat di sana.

Sementara itu, beliau pula terus menetap di Mekah untuk menuntut ilmu. Dalam pengembaraan ini beliau menghabiskan umurnya dengan mengembara ke pusat-pusat ilmu dan hadis di kebanyakan dunia Islam. Beliau bersusah payah, berpenat lelah dan mengharungi pelbagai cabaran dan halangan dalam usaha untuk mengumpulkan hadis Nabi dan menyebarkannya kepada umat Islam.

Imam Al-Bukhari bukanlah orang pertama yang berbuat demikian. Ini kerana sebelum beliau, telah ramai alim ulama dan tokoh-tokoh terkenal semenjak zaman sahabat r.a sehingga ke zaman beliau sendiri. Pengembaraan ini berterusan dilakukan oleh bakal-bakal ulama dan tokoh-tokoh agama.

Sebelum memperkatakan tentang pengembaraan Imam Al-Bukhari dengan panjang lebar di dalam menuntut ilmu, ada baiknya jika diceritakan tentang mereka yang terdahulu daripada beliau dalam usaha mereka untuk menuntut ilmu pengetahuan.

Pengembaraan Di Zaman Para Sahabat



1. Jabir bin Abdullah³ telah mengembara menemui Abdullah bin Anis⁴ di Syiria. Dalam pengembaraan ini beliau menetap selama sebulan untuk mendengar hanya sebuah hadis yang tidak pernah beliau mendengar daripada Nabi SAW. (Al-Jami' Al-Sohih Li Al-Bukhari 1/29; Jami' Bayan Al-'Ilmi wa Fadhlhi, Ibn Abdilbar 1/93).

Kemudian Jabir mengembara ke Mesir untuk menemui Musalmah bin Mukhlad⁵ untuk mendapatkan hadis yang ada padanya, selepas dimaklumkan mengenainya, beliau kembali semula ke Syiria. (Al-Muhaddis Al-Fadhil Al-Ramaharmazi 1/Q18, W1).

2. Abu Ayub Al-Ansori⁶ mengembara ke Mesir untuk menemui 'Aqabah bin Amir. Apabila mereka berjumpa

³ Jabir bin Abdullah bin Amru bin Haram Al-Khazraji Al-Ansori Al-Salami; beliau merupakan sahabat besar yang dilahirkan pada tahun 16 Hijriah dan wafat pada tahun 78 Hijriah. Bapanya ialah Abdullah bin Amru seorang sahabat yang mati syahid dalam peperangan Uhud. Beliau banyak meriwayatkan hadis daripada Rasulullah SAW dan mengikuti peperangan sebanyak sembilan belas kali bersama Nabi SAW Beliau juga berjihad selepas wafat baginda dan berkhidmat menyebarkan ilmu pengetahuan di Masjid An-Nabawi.

⁴ Abdullah bin Anis Abu Yahya dari keturunan Bani Wibrath dari Qadha'ah; Beliau seorang daripada penduduk Madinah dan salah seorang sahabat Nabi yang menjadi ketua perang yang gagah berani. Beliau pernah memimpin peperangan pada zaman Nabi dan pernah menjadi ketua Bani Salamah. Kemudian beliau mengembara ke Mesir dan Afrika dan wafat pada tahun 54 Hijriah di Syiria.

⁵ Musalmah bin Mukhlad bin Somit Al-Ansori Al-Khozraji; Beliau ialah dari kalangan raja yang terkenal pada zaman permulaan Islam. Dilantik oleh Muawiyah untuk menjadi memerintah Mesir kemudian menanggung tugas untuk memerintah Maghribi. Beliau menetap di Mesir dan memimpin ketumbukan perang ke Maghribi melalui jalan laut dan darat. Akhirnya beliau wafat di Iskandariah pada tahun 62 Hijriah.

⁶ Khalid bin Zaid bin Kulaib bin Tha'labah Abu Ayub Al-Ansori Al-Najjari; seorang sahabat yang sama-sama berperang di dalam peperangan Aqabah, perang Badar dan peperangan Uhud. Beliau ialah seorang yang berani, penyabar, takwa, sukakan jihad dan peperangan. Nabi SAW pernah tinggal di rumahnya sesampainya baginda di Madinah dan menetap di rumahnya hingga selesai pembinaan Masjid Quba'. Beliau terbunuh dalam peperangan melawan Al-

ditanyakan kepadanya mengenai menutup aurat bagi seorang muslim yang tidak pernah beliau mendengarnya. Setelah dijelaskan kepada beliau tentang hadis tersebut beliau pun menunggang kenderaannya kembali ke Madinah Al-Munawwarah.

3. Seorang sahabat mengembara ke Mesir untuk menemui Fadhalah bin Ubaid. Apabila mereka bertemu dikatakan kepadanya: Kedatanganku ke sini bukanlah kerana berziarah, tetapi aku dan engkau pernah mendengar hadis daripada Rasulullah SAW, aku mengharapkan engkau mempunyai ilmu yang aku tidak ketahui untuk aku pelajari. (Sunan Al-Darimi 1/138).

4. Abdullah bin Mas'ud⁷ berkata: Sekiranya seseorang itu mengetahui lebih baik daripada aku tentang kandungan Al-Quran dan untuk sampai kepadanya hanya dengan menunggang unta sahaja, nescaya aku akan mencarinya untuk mendapatkan ilmu itu.

5. Pengembaraan ini berterusan dan semakin meluas di zaman pengikut sahabat (tabi'in). Ini kerana para sahabat Rasulullah SAW telah berselerak di negeri-negeri yang telah diperintah oleh pemerintahan Islam. Bagaimana seorang muslim itu dapat menimba ilmu pengetahuan mengenai hadis Nabi SAW tanpa mengembara menemui para sahabat yang lain yang berada di negeri-negeri tertentu? Said bin Al-

Qastantin di zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah tahun 52 Hijriah dan di makamkan di Al-Qastantin yang kemudian namanya ditukar kepada Istanbul.

⁷ Abdullah bin Mas'ud bin Ghafil bin Habib Al-Hadzali. Beliau merupakan seorang pembesar sahabat nabi yang mempunyai kehebatan dan kebijaksanaan. Kedudukan beliau adalah begitu akrab dengan Nabi SAW. Beliau merupakan pemeluk Islam yang awal dan orang pertama yang membaca Al-Quran dengan suara yang kuat di Mekah. Beliau juga menjadi sebagai pembantu dan hadam Rasulullah SAW, dan sebagai teman Baginda semasa di Madinah, di dalam pelayaran dan peperangan. Beliau berjumpa dengan Baginda pada setiap masa dan berjalan bersama Baginda. Beliau dilantik di zaman Khalifah Omar sebagai pengurus Baitulmal di Kufah dan wafat pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman pada tahun 32 Hijriah. Saiyidina Omar pernah merenung beliau dan berkata: "Gudang yang penuh dengan ilmu".

Musaiyab⁸ menyarankan: Kamu perlu mengembara biarpun sehari semalam dan biarpun hanya untuk mendapatkan satu hadis sahaja. (Jami' Bayan Al-ilmu 1/94).

6. Hassan Al-Basri juga telah mengembara dari Basrah ke Kufah dalam usahanya untuk menyelesaikan beberapa masalah yang timbul.

7. Abu Qallabah⁹ menetap di Madinah selama tiga hari dengan tujuan hanya untuk menunggu seorang lelaki yang dijangka datang ke Madinah untuk meriwayatkan hadis. Beliau menetap di sana sehingga kedatangan lelaki tersebut untuk menanyakan sesuatu tentang hadis. (Sunan Al-Darimi 1/136).

8. Basar bin Ubaidillah¹⁰ berkata: Jika sekiranya aku perlu pergi berkenderaan ke mana-mana tempat untuk mendengar sebuah hadis, nescaya aku pergi untuk mendengarnya.

9. 'Amir Al-Sya'bi¹¹ pergi ke Mekah hanya untuk mendapatkan tiga buah hadis yang dibacakan kepadanya; selain daripada itu dengan harapan untuk menemui para

⁸ Said bin Al-Musaiyab bin Hazan bin Abi Wahab Al-Mahzumi Al-Qurasyi. Beliau dilahirkan pada tahun 13 Hijriah dan wafat tahun 94 Hijriah. Beliau ialah seorang pemimpin tabi'in dan salah seorang daripada tujuh ulama fekah di Madinah. Pada beliau terhimpun kepakaran sebagai ulama hadis dan fekah yang zuhud dan wara'. Beliau hidup sebagai peniaga minyak dan juga orang yang paling arif dan mendalami tentang pemerintahan Umar bin Al-Khattab dan permasalahannya.

⁹ Abdullah bin Zaid Al-Basri, beliau mempunyai banyak riwayat dari kalangan para sahabat dan lainnya. Beliau dicari untuk dihukum lalu melarikan diri dan menghilang. Lalu pergi ke Syiria dan di sana beliau wafat pada tahun 104 Hijriah.

¹⁰ Basar bin Ubaidillah Al-Hadhrami Al-Syami. Beliau telah meriwayatkan hadis daripada Wailah, Amru bin 'Abasah, Ruwaifa' bin Thabit, Abi Idris Al-Khaulani dan lainnya. Ibn Hibban menyebutkannya sebagai thiqah (dipercayai). Beliau merupakan orang yang paling banyak hafazan dari kalangan sahabat Abi Idris Al-Khaulani.

¹¹ Amir bin Syarahil Al-Sya'bi Al-Humairi; Beliau dilahirkan pada tahun 19 Hijriah dan wafat pada tahun 103 Hijriah. Beliau ialah dari kalangan tabi'in boleh dijadikan contoh mengenai hafazannya. Beliau dilahirkan, membesar dan wafat secara mengejut di Kufah. Beliau mempunyai hubungan dengan Abdul Malik bin Marwan sebagai orang yang dipercayai dan menjadi orang suruhannya untuk berhubung dengan raja Rom. Apabila ditanya tentang hafazannya, beliau mengatakan: Aku hafaz apa juga hadis yang diperdengarkan kepadaku. Beliau ialah dari kalangan orang yang dipercayai dalam meriwayatkan hadis.

sahabat yang menetap di sana untuk menanyakan tentang hadis. Seorang lelaki membicarakan sebuah hadis dengan Al-Sya'bi, lalu ditanyakannya: Kami berikannya tanpa bayaran, lantaran itu beliau menumpang orang lain untuk pergi ke Madinah. (Al-Jami' Al-Sohih Lil Bukhari 1/35).

10. Abi Al-'Aliyah Al-Riahi berkata: Kami mendengar riwayat di Basrah tentang sahabat Nabi SAW, kami merasa tidak puas hati mengenainya, lalu kami berangkat ke Madinah untuk mendengar hadis dari mulut mereka sendiri. (Sunan Al-Darimi 1/136; Al-Kifayah hal. 402).

11. Bilangan ulama' daripada kalangan tabi'in adalah begitu ramai. Mereka mengembara ke seluruh negara melalui kampung-kampung pedalaman, mengharungi padang pasir yang luas terbentang dengan menghadapi berbagai rintangan seperti cuaca dan habuk. Mereka pergi mengembara mencari para sahabat Rasulullah SAW. Imam Mak-hul Al-Syami¹² menceritakan tentang pengembaraan ilmiahnya, katanya: Aku dimerdekakan oleh seorang wanita di Mesir, lalu aku belajar semampu yang mungkin, kemudian aku ke Iraq dan Madinah. Apa juga ilmu yang aku jumpa aku pelajari kesemuanya kemudian aku ke Syiria dan aku menetap di sana. (Tazkirah Al-Huffadz 1/275).

12. Pada zaman tabi'in terdapat kecenderungan yang hebat untuk mempelajari dan mencari hadis sehingga mungkin dalam satu-satu negeri itu terdapat beribu-ribu orang yang mencari ilmu hadis. Muhammad bin Sirin¹³ menjelaskan: Aku datang ke Kufah dan di sana terdapat empat ribu orang pencari hadis. (Tadrib Al-Rawi, hal. 225).

¹² Mak-hul bin Abi Muslim Abu Abdullah Al-Hazali, seorang ulama fekah Syiria pada zamannya dan dari kalangan penghafaz hadis berasal dari Parsi kelahiran Kabil. Beliau membesar di sana, kemudian menjadi pembantu seorang wanita di Mesir dari Hadzil lalu dimerdekakan. Beliau mula menuntut ilmu dengan mengembara ke banyak negara untuk mempelajari hadis, kemudian menetap di Damsyik dan wafat di Basrah pada tahun 112 Hijriah.

¹³ Muhammad bin Sirin Al-Basri Al-Ansori; Beliau dilahirkan pada tahun 33 Hijriah dan wafat pada tahun 110 Hijriah. Beliau merupakan seorang ulama ulumiddin di Basrah, seorang tabi'in dari kalangan pengarang kitab yang terkenal, alim dalam ilmu pengetahuan dan banyak meriwayatkan hadis, warak dan masyhur sebagai pentafsir mimpi. Beliau dilahirkan dan wafat di Basrah

Pengembaraan Mencari Ilmu Pada Kurun ke-2 dan ke-3 Hijriah

Pada kurun kedua dan ketiga Hijriah, pengembaraan mencari ilmu berlaku dengan meluas sekali. Al-Ramahramzi mengemukakan senarai nama tokoh-tokoh ilmuan hadis yang mengembara ke pelusuk negara Islam dan menyenaraikan mereka dalam kumpulan tertentu dengan menjelaskan kekerapan mengembara ke beberapa negara tertentu. Kemudian beliau menjelaskan tentang tujuan pengembaraan beliau itu hanyalah satu sahaja iaitu menemui para ulama hadis. Tempat - tempat yang dikunjungi oleh beliau itu merupakan pusat-pusat ilmuan Islam ketika itu.

Para ulama menyedari betapa pentingnya sesuatu pengembaraan itu. Diriwayatkan daripada Yahya bin Mu'in¹⁴ bahawa beliau berkata: Terdapat empat perkara yang tidak dianggap mereka itu sebagai orang yang bijak, antara mereka ialah seorang pengarang yang hanya menulis melalui pengalamannya di dalam negeri sahaja tanpa keluar mengembara untuk mencari dan mendalami ilmu hadis. (Fath Al-Mughith, Al-Sakhawi 2/86).

Imam Ahmad bin Hanbal¹⁵ mengatakan bahawa mendapatkan sanad hadis daripada asalnya itu adalah amalan

¹⁴ Yahya bin Mu'in bin Onn bin Ziyad Al-Murri Al-Baghdadi. Dilahirkan pada tahun 158 Hijriah dan wafat pada tahun 233 Hijriah. Beliau ialah antara tokoh ilmu hadis dan pengkaji sejarah periwayat hadis. Beliau telah diberikan gelaran oleh Al-Zahabi sebagai Penghulu Al-Huffaz. Ibn Hajar mengakui bahawa beliau ialah seorang yang pakar dalam soal Al-Jarh dan Al-Ta'dil (menilai setiap perawi hadis mengikut kriteria yang ditetapkan ulama hadis). Ahmad bin Hanbal pula berkata: "Beliau merupakan orang paling mengetahui mengenai perawi hadis".

¹⁵ Ahmad bin Muhammad bin Hanbal Abu Abdullah Al-Syaibani Al-Waili, imam mazhab Hanbali dan salah seorang imam mazhab yang empat. Dilahirkan di Baghdad pada tahun 164 Hijriah dan wafat pada tahun 241 Hijriah. Beliau membesar dengan tumpuan menuntut ilmu dan banyak mengembara untuk tujuan tersebut. Beliau diuji pada zaman pemerintahan Khalifah Ma'mun dan Al-Mu'tasim dengan persoalan "Al-Quran itu makhluk". Sikap beliau adalah begitu mantap dalam persoalan ini, akhirnya beliau disanjung oleh khalifah Al-Mutawakkil bin Al-Mu'tasim. Kitabnya yang masyhur ialah Al-Musnad sebanyak enam jilid.

biasa yang dilakukan oleh ulama terdahulu. Ini kerana para sahabat seperti Abdullah bin Mas'ud telah banyak mengembara daripada Kufah ke Madinah untuk belajar hadis daripada Saidina Umar dan mendengarkan apa yang dibacakan kepadanya. Lantaran itu Imam Al-Nawawi mengatakan bahawa adalah digalakkan supaya kita selalu mengembara. (Tadrib Al-Rawi hal. 295).

Mereka yang melakukan pengembaraan itu akan merasakan keseronokan mengembara. Ini kerana pengembaraan itu memberikan kesan yang hebat terhadap kemasyhuran sesebuah hadis kerana pengembara akan menemui ramai perawi hadis tersebut. Ia juga memberikan kesan yang besar dalam mengenal pasti perawi hadis dengan lebih tepat lagi. Ini kerana pencari hadis akan mengembara ke perkampungan dan pedalaman, di sana mereka dapat berkenal-kenalan dengan ulama-ulama setempat, bergaul dan berdialog dengan mereka untuk mencari kepastian mengenai sesuatu hadis. Al-Hafiz Ibn Hajar mengungkapkan bahawa orang yang mengembara itu bermula dengan hadis yang ditemui ditempat tinggalnya, kemudian dia mengembara lalu mendapat sesuatu yang tidak didapati ditempat mereka.

Setelah dibincangkan mengenai pengembaraan untuk mendapatkan hadis, kita kembali membincangkan pengembaran Imam Al-Bukhari dalam usahanya mengumpulkan hadis dengan mengambil iktibar daripada jejak langkah tokoh-tokoh ulama hadis yang lalu bagi memartabatkan sunnah Nabi SAW.

Mengembara Ke Al-Haramain (dua tanah suci)



Al-Zahabi dan lainnya mengatakan bahawa Imam Al-Bukhari pergi menunaikan haji pada tahun 210 Hijriah bersama ibu dan abangnya. Selepas itu, Ibu dan abangnya kembali ke Bukhara. Sementara itu, beliau tinggal menuntut ilmu di Mekah. Mekah ketika itu merupakan pusat ilmunan di Hijaz. Di sini beliau mendapat apa yang dihajati mengenai ilmu dan makrifat. Dalam pada itu beliau pergi ke Madinah Al-Munawwarah beberapa kali.

Di Haramain (Mekah dan Madinah) inilah beliau menyusun kitab dengan membuat himpunan hadis-hadis sohih dan pengenalannya. Beliau menjelaskan: “Semasa umurku (18) lapan belas tahun aku telah mengarang kitab (Qadhaya Al-Sohabah Wat-Tabi’iin). Kemudian aku mengarang kitab (At-Tarikh Al-Kabir). Ketika itu aku berada di Madinah Al-Munawwarah di sisi makam Nabi SAW. Aku menuliskan semasa malam bulan mengambang. Tambah beliau lagi: Tidak banyak nama beliau disebut dalam kitab sejarah kerana beliau ada mempunyai cerita yang tersendiri dan beliau tidak suka memanjangkan kitab tersebut.

Kata Imam Al-Bukhari lagi: Aku menemui Al-Humaidi,¹⁶ ketika umurku (18) lapan belas tahun. Ketika itu berlaku perselisihan pendapat mengenai hadis, apabila dia melihat aku, dia mengatakan: Siapa yang boleh menyelesaikan perselisihan antara kami, maka aku serahkan kepada Al-Humaidi kerana beliau lebih layak menyelesaikannya.

¹⁶ Abdullah bin Al-Zubair, Al-Hamidi, Al-Asadi, Abu Bakar salah seorang tokoh dalam bidang hadis dari Mekah yang mengembara bersama Imam As-Syafi’i ke Mesir dan wafat di sana. Kemudian beliau kembali ke Mekah dan menjadi Mufti di sana. Beliau adalah guru kepada Imam Al-Bukhari dan meriwayatkan sebanyak 75 hadis daripadanya. Beliau wafat di mekah tahun 219 Hijriah.

Pengembarannya Ke Merata Tempat



Imam Al-Bukhari dalam usahanya untuk mengumpulkan hadis-hadis sohih, beliau telah menjelajah ke serata pelusuk rantau negara Islam.

Jelas Imam Al-Bukhari: Beliau pergi ke Mesir, Jazirah (Syiria, Iraq dan Turki) sebanyak dua kali, ke Basrah empat kali dan menetap di Hijaz selama enam tahun, dan berapa kali pergi ke Kufah dan Baghdad bersama-sama ahli hadis.

Dalam hubungan ini, Al-Khatib mengatakan bahawa Imam Al-Bukhari telah mengembara menemui ahli-ahli hadis di pelbagai ceruk rantau dan tempat. Beliau telah menulis hadis di Khurasan,¹⁷ dan di kawasan pergunungan, bandar-bandar di Iraq, Hijaz, Syiria, Mesir dan beberapa kali di Baghdad.

Al-Hafiz Ibn Hajar mengatakan lagi: Sekembalinya dari Mekah, Imam Al-Bukhari mengembara menemui ahli-ahli hadis di semua negara-negara yang boleh beliau sampai. Al-Zahabi pula mengatakan, antara tempat tersebut ialah Balakh (Afganistan), Naisabur (di Iran), Al-Rai (Bandar terkenal berhampiran Tehran di Iran), Baghdad, Basrah, Kufah, Madinah, Wasit (Bandar antara Basrah dan Kufah), Damsyik, 'Asqalan (bandar di Palastin), Hamash dan lain-lain lagi.

Al-Hakim Abu Abdullah menyebutkan bahawa negara-negara yang dikunjungi Imam Al-Bukhari itu adalah untuk menimba ilmu pengetahuan dan di situ beliau tinggal bersama-sama dengan ulama-ulama hadis setempat.

¹⁷ Sebuah negeri yang luas terletak di timur laut Iran, di sebelah selatan Rusia dan di barat Afghanistan.

Hubungannya Dengan Imam Ahmad Hanbal



Baghdad ketika zaman Imam Al-Bukhari merupakan negeri yang diperintah oleh Khalifah. Ia juga merupakan gedung ilmu atau pusat menimba ilmu pengetahuan dan pusat para ulama. Lantaran itu beliau telah berulang alik ke sana sebanyak lapan kali. Beberapa kali beliau ke Baghdad, beliau tinggal bersama Imam Ahmad, sehingga Imam Ahmad mengesa beliau tinggal di Baghdad sahaja kerana beliau tidak suka Imam Al-Bukhari tinggal lama di Khurasan. Ini digambarkan dalam kitab nikah dari Fath Al-Bari dalam bab: “perkara yang dihalalkan bagi perempuan”.

Dalam hubungan ini, Al-Hafiz mengatakan: Imam Al-Bukhari dalam kitab ini tidak ada meriwayatkan daripada Imam Ahmad kecuali dalam perkara ini sahaja (perkara yang dihalalkan bagi perempuan) dan bab yang lain dalam kitab Al-Maghazi. Ini seolah-olah Imam Al-Bukhari tidak banyak meriwayatkan daripada Imam Ahmad, kerana beliau dalam pengembaraannya yang lalu banyak menemui guru Imam Ahmad lalu mendapatkan ilmu terus melalui mereka. Dalam pengembaraannya yang terkemudian beliau jarang bertemu dengan Imam Ahmad, kerana beliau banyak berhubung dengan Ali bin Al-Madini¹⁸ berbanding dengan Imam Ahmad bin Hanbal.

¹⁸ Ali bin Abdullah bin Jaafar Al-Sa’idi Al-Madini Al-Basri. Abu Hassan merupakan seorang ahli hadis, ahli sejarah dan seorang penghafaz hadis pada zamannya. Beliau banyak menulis kitab dan juga beliau merupakan guru kepada Imam Al-Bukhari. Imam Al-Bukhari begitu menghormatinya. Beliau telah dilahirkan di Basrah tahun 161 dan wafat di Samra tahun 234 Hijriah.

Gurunya



Imam Al-Bukhari telah mengembara ke pusat-pusat pengajian ilmu yang dipimpin oleh tokoh-tokoh ulama hadis di negara Islam. Beliau mengambil kesempatan daripada tokoh-tokoh ulama hadis yang amanah dan diiktiraf. Telah diriwayatkan daripada beliau bahawa beliau menulis sebanyak 1,080 tokoh yang kesemuanya merupakan ulama-ulama hadis. Tambah beliau lagi: Beliau tidak menulis kecuali daripada mereka yang mengatakan: Iman itu adalah penguapan dan amalan.

Al-Hafiz merumuskan: Bahawa mereka terdiri daripada lima golongan:

1. Mereka yang meriwayatkan daripada Tabi'in iaitu mengikut Tabi'in.
2. Mereka yang hidup sezaman dengan tabi'in, tetapi tidak mendengar daripada mereka yang boleh dipercayai (thiqah).
3. Mereka yang tidak sempat berjumpa dengan tabi'in malahan hanya mengambil daripada ketua pengikut tabi'in.
4. Mereka yang hanya mendengar sedikit sahaja daripada rakan seperjuangan mereka, atau hadis yang diperolehi bukan daripada guru-guru mereka atau siapa sahaja yang mempunyai hadis tersebut.
5. Golongan yang sebaya dengan mereka dari segi umur dan sama dari segi sanad. Beliau mendengar hadis daripada mereka untuk digunakan dan disampaikan kepada orang lain. Ini diungkapkan oleh Uthman bin Abi Syaibah daripada Waki' dia berkata:

“Orang itu tidak dikira alim sehingga dia mampu meriwayatkan daripada orang yang lebih dahulu, atau orang yang sezaman dengannya atau dengan orang yang terkemudian daripadanya”.

Manakala Imam Al-Bukhari pula berkata: tidak dikira sebagai ahli hadis yang mantap sehingga dia mampu menulis lebih baik daripada orang yang lebih dahulu daripadanya, atau orang yang sezaman dengannya atau orang yang terkemudian daripadanya. Sehubungan ini, bilangan guru-guru yang dinukil daripada mereka dalam hadis sohihnya ialah seramai 289 orang guru.

Muridnya



Imam Al-Bukhari mempunyai ramai murid disetiap negara dalam mempelajari hadis. Dari kalangan mereka yang bersemuka dengannya, ialah:

1. Imam At-Tirmizi iaitu Muhammad bin Isa bin Surah At-Tirmizi. Beliau merupakan tokoh ulama dan penghafaz hadis, dari kalangan penduduk Turmuz (ditepi sungai Jihun), berguru dengan Imam Al-Bukhari dan bersama-sama berguru dengan sebahagian guru-guru Imam Bukhari. Beliau telah merantau untuk menulis hadis dan menjadi buta ketika akhir usianya. Beliau dilahirkan pada tahun 209 Hijriah dan wafat pada tahun 278 Hijriah di Turmuz. Antara kitab karangannya ialah Al-Jami' Al-Kabir yang dinamakan dengan Sunan At-Tirmizi dan As-Syama'il Al-Muhammadiyah.
2. Imam An-Nasai ialah Ahmad bin Syuib An-Nasai, dilahirkan pada tahun 215 Hijriah dan wafat pada tahun 303 Hijriah. Beliau ialah seorang imam, hafiz Al-Quran dan pengarang Al-Sunan. Beliau telah merantau untuk mendapatkan hadis dan meriwayatkan daripada ramai guru-guru hadis. Menetap di Mesir dan wafat di Ramallah dan dimakamkan di Baitul Maqdis.
3. Imam Muslim bin Al-Hajjaj ialah Muslim bin Al-Hajjaj bin Muslim Al-Qusyairi Al-Naisaburi. Beliau dilahirkan pada tahun 204 Hijriah dan wafat pada 261 Hijriah di Nisabur. Beliau merupakan seorang yang hafiz Al-Quran dari kalangan tokoh ulama hadis yang dilahirkan di Nisabur, kemudian beliau mengembara untuk mengumpulkan hadis. Kitabnya yang masyhur ialah Al-Jami' Al-Sohih, beliau pernah berguru dengan Imam Al-Bukhari dan beliau sangat menghormati dan memuliakannya.

4. Abu Khuzaimah, iaitu Muhammad bin Ishak bin Khuzaimah Al-Salami. Beliau merupakan ulama di Naisabur pada ketika itu dan seorang mujtahid yang alim dalam ilmu feqah dan hadis. Dilahirkan pada tahun 223 Hijriah dan wafat pada tahun 311 Hijriah di Naisabur. Kemudian beliau mengembaran ke Iraq, Syiria, Jazirah dan Mesir. Imam Subki menggelarkannya dengan Imam besar dan beliau banyak menulis kitab.
5. Abu Zar'ah Al-Razi, iaitu Abdullah bin Abdul Karim bin Yazid bin Furukh Al-Makhzumi. Dilahirkan pada tahun 200 Hijriah dan wafat pada tahun 264 Hijriah di Al-Rai. Abu Zar'ah Al-Razi merupakan salah seorang ulama yang hafaz hadis-hadis yang berasal dari penduduk Al-Rai. Kemudian selepas itu beliau melawat Baghdad dan menuntut di sana dengan Imam Ahmad bin Hanbal sehingga dikatakan: Setiap hadis yang tidak diketahui oleh Abu Zar'ah memang tidak ada sumbernya.
6. Abu Hatim Al-Razi, iaitu Muhammad bin Idris bin Al-Munzir bin Daud bin Mahran Al-handzoli. Dilahirkan di Al-Rai pada tahun 195 Hijriah dan wafat pada tahun 277 Hijriah di Baghdad. Abu Hatim merupakan penghafaz hadis yang seangkatan dengan Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim. Kemudian beliau berpindah ke Iraq, Syiria, Mesir dan Rom.

Kehebatan Hafazannya



Imam Al-Bukhari dikurniakan oleh Allah SWT dengan hafazan yang mantap, ingatan yang kuat dan hebat yang tidak ada bandingan di kalangan penghafaz di zamannya. Kisah tentang cepat hafazan dan kuat ingatan beliau tersebar luas hingga sampai ke taraf mutawatir atau yang tidak boleh disangkal lagi. Perkara ini telah diiktiraf oleh penyusun Daerah Al-Ma'arif Al-Islamiah (Ensklopedia Islam), katanya: "Sesungguhnya Imam Al-Bukhari dari segi hafazannya merupakan salah satu tanda keagungan Allah di muka bumi". Dikatakan, beliau semasa kanak-kanak lagi telah hafaz tujuh puluh ribu hadis yang bersambung perawinya dan berurutan. Diriwayatkan juga beliau boleh hafaz apa yang terkandung di dalam kitab dengan sekali pandang sahaja.

Muhammad bin Abi Hatim mengatakan: Beliau mendengar Hasyid bin Ismail dan rakannya berkata: Imam Al-Bukhari datang belajar mendengar kuliah guru tanpa membuat sebarang catitan, ketika itu beliau masih kanak-kanak lagi, disebabkan beliau tidak membuat catitan maka kami selalu menyindirnya. Beliau mengatakan kepada kami selepas dua minggu: Kamu berdua tentunya lebih banyak hafaz daripada aku, lalu mereka berdua memberikan kepadaku apa yang mereka berdua tuliskan, lalu Imam Al-Bukhari membaca kesemua hadis tersebut dan menambah lagi secara hafazan lebih kurang lima belas ribu hadis lagi. Ini menyebabkan kami yakin bahawa beliau memang penghafaz yang unggul. Kemudian Imam Al-Bukhari bertanya kepada mereka berdua: Adakah kamu dapati kehadiranmu ke kuliah tanpa membuat catitan itu hanya membuang masa sahaja? Maka kami akur tidak ada siapa pun yang boleh menandinginya, lalu mereka berdua berkata: Tidak hairanlah kalau ahli makrifah yang banyak mengambil hadis daripadanya sentiasa mengikutinya, berbincang dan berdialog dengannya untuk mendapatkan hadis sedangkan beliau ketika itu masih muda remaja.

Muhammad bin Abi Hatim mengatakan lagi: Beliau mendengar Sulaiman bin Mujahid berkata: Ketika itu beliau bersama Muhammad bin Salam Al-Baikandi¹⁹, beliau mengatakan kepadaku: Sekiranya kamu datang awal nescaya kamu melihat seorang kanak-kanak yang hafaz sebanyak tujuh puluh ribu (70,000) hadis. Lalu beliau mencari dan menemui kanak-kanak itu dan bertanya kepadanya: Adakah engkau yang mengatakan aku hafaz tujuh puluh ribu hadis? Dijawabnya, ya malahan lebih banyak daripada itu. Hadis yang dibawa oleh para sahabat dan tabi'in kebanyakannya aku tahu dimana mereka tinggal, tarikh kelahiran dan tarikh mereka wafat. Aku tidak meriwayatkan hadis tersebut daripada hadis sahabat dan tabi'in kecuali aku ada sumber asalnya yang aku hafazkannya betul-betul berdasarkan Al-Quran dan sunah Nabi SAW.

¹⁹ Muhammad bin Salam bin Farj Al-Salami Al-Bukhari. Abu Abdullah Al-Baikandi merupakan seorang penghafaz hadis yang suka mengembara, beliau seorang ulama hadis di Nahar Jihun, hafaz lima ribu (5000) hadis, beliau seorang yang thiqat (boleh dipercayai orangnya) dan salah seorang guru Imam Al-Bukhari.

Ujian Di Samarkand



Muhammad bin Abi Hatim dengan sanad daripada Abi Al-Azhar menceritakan: Bahawa di Samarkand (sebuah negeri yang terkenal di Republik Uzbekistan, di barat Bukhara di bawah jajahan Rusia) terdapat empat ratus (400) orang pencari hadis yang berkampung selama tujuh hari di situ. Sebenarnya mereka ingin menguji kehebatan Imam Al-Bukhari dengan mengubah susunan dan menterbalikkan sanad (perawi) hadis seperti sanad dari Syiria dimasukkan ke sanad Iraq, sanad Iraq dimasukkan ke sanad Syiria, sanad Mekah dimasukkan ke sanad Yaman, mereka tidak mampu untuk mengelirukan Imam Al-Bukhari walau sedikit pun sama ada dari segi sanad ataupun matan (teks hadis)

Ujian di Baghdad



Ahmad bin 'Adiy Al-Hafiz berkata: Bahawa beliau mendengar beberapa orang tokoh hadis menceritakan: Apabila Imam Al-Bukhari datang ke Baghdad, ulama-ulama hadis di sana telah berhimpun dan menyediakan sebanyak seratus hadis dengan diubah susunan matan dan sanadnya, iaitu menjadikan sanad hadis A ke sanad hadis B begitulah yang lain-lain. Mereka mengaturkan setiap seorang ulama mengutarakan sebanyak sepuluh (10) hadis untuk menguji Imam Al-Bukhari dalam satu majlis khas.

Di situ berhimpunlah semua orang dari Baghdad termasuk orang asing dari Khurasan dan lain-lain lagi. Bila majlis sudah siap untuk dimulakan, bangunlah salah seorang daripada mereka yang ditetapkan lalu bertanyakan tentang sepuluh hadis yang diterbalikkan itu kepada Imam Al-Bukhari satu persatu. Walau bagaimana pun, Imam Al-Bukhari menjawab satu persatu: "beliau tidak mengetahui hadis

tersebut". Maka orang-orang alim dari kalangan yang hadir berpandangan sesama sendiri dan mereka mendakwa: Imam Al-Bukhari memang alim (tahu), manakala orang yang tidak faham pula mengatakan Imam Al-Bukhari tidak mampu, tidak layak dan tidak faham mengenai hadis yang ditanyakan kepadanya itu.

Kemudian ditanya oleh ulama lain mengenai sepuluh hadis yang telah diterbalikkan itu satu persatu, maka Imam Al-Bukhari menjawab satu persatu: Bahawa beliau tidak mengetahui hadis tersebut. Demikianlah seterusnya kepada soalan yang telah disediakan oleh setiap ulama, ketiga, keempat dan keseterusnya yang kesepuluh, maka jawapan yang diberikan oleh Imam Al-Bukhari: Beliau tidak mengetahui hadis tersebut.

Setelah Imam Al-Bukhari melihat tidak ada lagi mereka yang ingin mengutarakan persoalan, maka Imam Al-Bukhari menoleh kepada penyoal pertama: Imam Al-Bukhari menjelaskan: Anda mengatakan demikian, yang betulnya begini, begini. Kepada penyoal kedua dikatakan kepadanya juga: Anda mengatakan demikian, yang betulnya begini, begini. Begitulah dijawabnya semua persoalan yang dikemukakan oleh penyoal ketiga, keempat, kelima dan seterusnya penyoal kesepuluh dengan menyebutkan matan (teks hadis) dan sanad (susunan perawi) hadis yang diterbalikkan itu satu persatu ke tempatnya yang betul. Maka orang ramai pun mengiktiraf hafazan Imam Al-Bukhari dan mereka mengakui kehebatannya.

Dalam hubungan ini Al-Hafiz Ibn Hajar membuat kesimpulan: Dari sini semua orang akur tentang kehebatan hafazan Imam Al-Bukhari di mana beliau dapat membetulkan yang salah ke tempatnya yang asal, kerana beliau merupakan penghafaz hadis yang unggul. Yang paling menakjubkan tentang hafazannya ialah dengan hanya sekali dengar sahaja beliau mampu untuk menjawab semua persoalan yang dikemukakan satu demi satu mengikut urutan apa yang dikemukakan.

Pengajiannya di Basrah



Yusof bin Musa Al-Marwazi menceritakan: Ketika beliau berada di Masjid Basrah, beliau mendengar seseorang memanggil pelajar yang ingin mengikuti pelajaran. Ketika itu datanglah Imam Al-Bukhari, maka kami suruh beliau belajar dalam pelajaran baca dan menulis ayat. Imam Al-Bukhari mengatakan beliau akan duduk di tempat tertentu pada esok hari. Pada hari esoknya berkumpul ulama-ulama hadis, hafiz Al-Quran, ahli feqah dan para pendiskusi hingga ramailah orang yang berada ditempat tersebut. Manakala sampai giliran Imam Al-Bukhari untuk di uji tulisannya (Imlak), sebelum itu beliau berkata: Wahai penduduk Basrah, saya ni orang muda, kamu telah memintaku untuk meriwayatkan hadis, maka aku akan meriwayatkan hadis yang aku ambil daripada ulama dari negeri kamu.

Orang ramai terkejut dengan ucapannya itu. Beliau berucap lagi: Abdullah bin Uthman Al-Atki menceritakan kepada kami tentang kampung halaman kamu: Katanya: Bapaku menceritakan daripada Syu'bah daripada Mansur daripada Salim bin Abi Al-Ja'd daripada Anas ra, bahawa seorang Arab datang menemui Nabi SAW lalu bertanya: Ya Rasulullah: (Arrajulu yuhibbul kaum) ... alhadis. Kemudian dia berkata: Hadis di atas bukan diriwayatkan daripada Mansur tetapi daripada orang lain. Kemudian majlis itu terus berjalan dengan Imam Al-Bukhari membetulkan setiap kesalahan perawi yang driwayatkan di dalam setiap hadis .

Pengiktirafan Ulama Sezaman Tentang Hafazan dan Sanjungan Terhadapnya



Imam Al-Bukhari hidup di zaman semua tokoh-tokoh dan ulama-ulama terkenal berselerak di seluruh dunia Islam. Yang paling istimewa mengenai beliau ialah bahawa semua ulama pada zamannya telah mengiktiraf kelebihan dan kehebatannya, mereka mengetahui Imam Al-Bukhari mengatasi mereka dari segi hafazan dan kefahamannya lalu diberikan pujian dan sanjungan. Mereka yang sezaman dengannya telah menguji beliau dan beliau merupakan seorang yang cerdas dan pintar sebagaimana yang mereka katakan. Antara pendapat mereka tentang Imam Al-Bukhari ialah:

Apabila Imam Al-Bukhari berjumpa dengan Sulaiman bin Harb²⁰ dia bertanya: Apakah kesilapan yang dilakukan oleh Syu'bah. Dijawabnya: Muhammad bin Salam Al-Baikandi meminta supaya dibaca kitabku, insya Allah tidak akan menjumpai sebarang kesilapan untuk diperbetulkan. Salah seorang sahabatnya bertanya: Siapakah anak muda itu? Dia menjawab: Anak muda ni tidak ada tandingannya. Dia berkata lagi: Apabila Imam Al-Bukhari datang menemuiku, aku terpegun dan merasa gementar kerana takut tersalah oleh sebab kehadirannya.

Abu Bakar Al-Madini berkata: Pada suatu hari kami bersama Ishak bin Rahawih²¹ dan Imam Al-Bukhari. Turut

²⁰ Sulaiman bin Harb Al-Azadiy Abu Ayub Al-Basri, dilahirkan pada tahun 140 Hijriah dan wafat pada tahun 224 Hijriah; menetap di Mekah beliau menjadi Kadi, dari kalangan guru Imam Al-Bukhari di mana diriwayatkan daripadanya sebanyak 127 hadis. Abu Hatim berkata: Beliau merupakan dari kalangan imam besar.

²¹ Ishak bin Ibrahim bin Mukhlid Al-Handzoli Al-Tamimi Al-Maruzi. Beliau merupakan ulama Khurasan dizamannya. Beliau dilahirkan pada tahun 161 Hijriah dan wafat pada tahun 238 Hijriah. Penduduk Muru ibu negeri Khurasan, beliau sebagai seorang tokoh yang hafiz banyak menjelajah seluruh negeri dan belajar daripada Imam Ahmad, Al-Bukhari, Muslim, At-Tirmizi dan An-Nasa'i. Al-Khatib menjelaskan, beliau banyak mengumpulkan hadis, fekah dan penghafaz, seorang yang disegani, warak dan zuhud.

hadir sama, selain daripada mereka ialah 'Ato' Al-Kikhorani²². Ishak bertanya di mana letaknya Kikhoran itu? Dijawabnya ia adalah sebuah perkampungan di Yaman. Ma'awiyah ra. telah melantik sahabatnya ini ke Yaman, maka 'Ato' mendengar daripadanya dua hadis ini, lalu Ishak mencelah: Engkau macam tahu penduduk di situ.

Fath bin Noh Al-Naisaburi berkata: Aku datang menemui Ali bin Al-Madini, aku lihat Imam Al-Bukhari duduk disebelah kanannya, dan apabila Fath berbicara dia menoleh kepada Imam Al-Bukhari sebagai tanda menghormatinya.

Abu Amru Al-Khaffaf Ahmad bin Nasr bin Ibrahim Al-Naisaburi berkata: Aku tidak pernah melihat seorang seperti Imam Al-Bukhari, beliau lebih mengetahui tentang hadis daripada Ahmad, Ishak dan lainnya begitu jauh perbezaannya. Sesiapa yang mengatakan sesuatu yang tidak sopan kepadanya, maka aku akan melaknatnya seribu kali.

Bandar (Muhammad bin Basyar)²³ berkata: Imam Al-Bukhari merupakan seorang yang paling alim di zamannya.

Ahmad bin Hanbal mendakwa: Tidak ada penduduk Khurasan yang mengembara keluar negeri seperti Muhammad bin Ismail (Imam Al-Bukhari).

Imam Al-Bukhari pernah berkata: Aku begitu menghormati Ali bin Al-Madini walaupun mungkin aku asing baginya. Hamid bin Ahmad pula menyatakan kepada Ali bin Al-Madini, lalu beliau berkata: Biarkan dia berkata, kerana tidak ada siapa yang serupa dengan dirinya.

²² 'Ato' bin Nafi' Al-Khihorani, seorang tabiin yang thiqat banyak meriwayatkan hadis daripada para sahabat Nabi SAW

²³ Muhammad bin Basyar bin Uthman bin Daud bin Kisan Al-Abdi Al-Basri. Beliau terkenal dengan nama Bandar seorang guru Imam Al-Bukhari dan Muslim, Imam Al-Bukhari meriwayatkan sebanyak 205 hadis daripadanya dan Imam Muslim sebanyak 460 hadis. Bandar maknanya orang yang ada kuasa undang-undang, kerana beliau banyak menghimpunkan hadis di negerinya.

Abu Bakar bin Khuzaimah seorang pemimpin ulama berkata: Tidak ada di muka bumi ini seorangpun yang lebih alim dalam ilmu hadis selain daripada Imam Al-Bukhari.

Al-Hakim meriwayatkan dengan sanadnya bahawa Muslim pengarang Hadis Sohih datang ke Bukhara maka dikucupnya di dahinya. Dia berkata: Biarkanlah aku mencium kedua kakimu wahai guru yang mendidikku dan penghulu dan pentashih hadis.

Manakala pujian mereka yang terkemudian, cukuplah ungkapan yang diberikan oleh Al-Hafiz Ibn Hajar: Sekiranya dibukakan pintu puji-pujian ke atasnya kepada mereka yang terkemudian daripada zamanya, nescaya tidak cukup kertas untuk menulisnya, dan banyak jiwa yang terkorban kerananya, kerana ia bagaikan laut yang tidak bertepi.

Mazhab Fikahnya



Para ulama berbeza pendapat dari segi pendekatan yang dilakukan oleh ulama hadis. Setengahnya menganggap mereka sebagai mujtahid, manakala setengahnya pula menjadikan mereka sebagai pengikut (bertaklid). Adapun Imam Al-Bukhari memang terkenal bermazhab Syafi'i, lantaran itu Imam Al-Subki mengklasifikasikan beliau dalam kelompok Mazhab Syafi'i dan Al-Nawab Sidik Hassan Khan mengkategorikan beliau dalam (Abjad Al-Ulum) dalam golongan ulama Syafi'i. Al-Hafiz Ibn Hajar dalam kitab Al-Fath mengatakan: Bahawa Imam Al-Bukhari dalam mentafsirkan hadis yang Gharib (hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja) banyak mengambil pendapat daripada mereka yang pakar dalam bidang ini seperti Abi Ubaid,²⁴ An-Nadhar bin Syamil,²⁵ Al-Farra',²⁶ dan lain-lain lagi. Ada pun perbincangan mengenai ilmu feqah kebiasaannya merujuk kepada Imam Syafi'i²⁷ dan Abi 'Ubaid.

- ²⁴ Al-Qasim bin Sallam Al-Harawi Al-Azdari Al-Khuza'i Al-Kharasani Al-Baghdadi. Beliau dilahirkan pada tahun 157 Hijriah dan wafat pada tahun 224 Hijriah. Beliau merupakan ulama terkenal dalam ilmu hadis, sastera dan fekah. Di Hurrat beliau dilahirkan dan menuntut ilmu di sana. Beliau ialah seorang sasterawan dan berkhidmat sebagai hakim di Thorrthus selama lapan belas tahun. Beliau pergi ke Mesir dan Baghdad kemudian menunaikan haji dan wafat di Mekah. Beliau banyak mengarang kitab antaranya Al-Gharib Al-Musannif membicarakan hadis gharib dan beliau merupakan orang pertama yang mengarang dalam bidang ini.
- ²⁵ An-Nadhar bin Syamil bin Kharsyah bin Yazid Al-Mazani Al-Tamimi. Beliau merupakan tokoh yang mengetahui tentang sejarah Arab, periwayat hadis dan ilmu dalam bidang bahasa. Dilahirkan di Muru pada tahun 122 Hijriah dan wafat pada tahun 203 Hijriah, kemudian berpindah ke Basrah bersama bapanya tahun 128 Hijriah dan tinggal di sana beberapa lama, kemudian kembali ke Muru menyambung tugasnya dalam bidang perundangan dan mempunyai hubungan yang rapat dan harmoni dengan Khalifah Ma'mun.
- ²⁶ Yahya bin Ziyad bin Abdullah bin Manzur Ad-Dailami ketua Bani Asad. Beliau dikenal dengan Al-Farra' pemimpin orang-orang Kufah dan pakar dalam bidang Nahu, Bahasa dan Kesusasteraan. Dia dikatakan sebagai pakar dalam bidang Nahu selain daripada alim dalam ilmu fekah. Beliau juga diperintahkan oleh Ma'mun untuk mendidik dua orang anaknya.
- ²⁷ Muhammad bin Idris bin Al-Abas bin Uthman bin Syafi' Al-Syafi'l Al-Hasyimi Al-Qurasyi Al-Matlabi. Beliau dilahirkan pada tahun 150 Hijriah dan wafat pada tahun 204 Hijriah. Beliau merupakan antara empat orang tokoh mazhab terkenal, mahir di bidang fekah, pengasas ilmu usul fekah, terkenal dalam bidang puisi dan sastera. Seorang yang bijak dan berpandangan jauh, cekap dalam memanah. Kitabnya yang terkenal ialah Al-Um, Al-Risalah, Ahkam Al-Quran dan lain-lain lagi.

Al-Syeikh Ibn Al-Qaiyim²⁸ dalam (I'lam Al-Muqi'in) mendakwa: Al-Bukhari, Muslim, Abu Daud,²⁹ dan Al-Athram³⁰ dari kalangan pengikut mazhab Ahmad Ahmad ibn Hanbal, demikian disebutkan oleh Ibn Abi Ya'la dalam (Thobaqat Al-Hanabilah) mengenai tokoh-tokoh tersebut.

Al-Syeikh Tahir Al-Jazairi³¹ dalam kitab Taujih Al-Nadzar mengatakan bahawa Imam Al-Bukhari dan Abu Daud kedua-duanya merupakan peneraju dalam ilmu feqah dan kedua-duanya dari kalangan mujtahid.

Al-Syeikh Muhammad Zakaria Al-Kandahlawi berpendapat bahawa Imam Al-Bukhari merupakan seorang mujtahid yang tersendiri sebagaimana kita dapat saksikan dalam kitabnya Sohih Al-Bukhari. Ketiadaan buku-buku fekah yang dikarang oleh Imam Al-Bukhari tidak menunjukkan bahawa beliau bukanlah seorang yang tidak mujtahid, bahkan sebenarnya beliau seorang yang mujtahid lagi fakeh, sekadarkan pandangannya dalam masalah fekah tidak mempunyai pengikut akhirnya hilang dan lenyap.³²

²⁸ Muhammad bin Abu Bakar bin Ayub bin Saad Al-Zar'i Al-Damsyiqi. Beliau dilahirkan pada tahun 691 di Damsyiq dan wafat pada tahun 751 Hijriah. Beliau merupakan murid pertama Ibnu taimiyah, mengarang banyak kitab antaranya I'lam Al-Muqi'in, Zad Al-Ma'ad fi Huda Khairul Ibad, Raudhah Al-Muhibbin dan lain-lain.

²⁹ Sulaiman bin Al-Asy'as bin Ishak bin Basyir Al-Azadi As-Sajastani. Beliau dilahirkan pada tahun 202 Hijriah dan wafat di Basrah pada tahun 275 Hijriah. Beliau merupakan seorang ahli hadis terkenal di zamannya, berasal dari Sajastan, banyak mengembara dan mempunyai kitab As-Sunan iaitu salah satu kumpulan kitab-kitab hadis yang enam.

³⁰ Abu Bakar Ahmad bin Muhammad bin Hani' Al-Iskafi Al-Athram Al-Hafiz Al-Kabir sahib Imam Ahmad bin Hanbal, dilahirkan pada tahun 261 Hsijrah, beliau mempunyai kitab bernama 'Ilal Al-Hadis dan yang lain dalam Al-Sunan.

³¹ Muhammad bin Muhammad (Abu Ya'la) bin Al-Hussain bin Muhammad Abul Hussain Al-Farra' dikenal dengan Ibn Abi Ya'la, dilahirkan di Baghdad pada tahun 451 Hijriah dan wafat pada tahun 526 Hijriah. Seorang ahli sejarah dari kalangan ahli fekah mazhab Hanbali, antara kitabnya ialah Thobaqat Al-Hanabilah dan Al-Mujarrad fi Manaqib Al-Imam Ahmad.

³² Lihat: Ikhtiyarat Al-Imam Al-Bukhari yang menunjukkan ijtiadnya dalam pengenalan Hayat Al-Bukhari (Kehidupan Imam Al-Bukhari) yang ditulis oleh Syeikh Jamaluddin Al-Qasimi seorang tokoh ulama Syiria.

Panelitiannya Yang Tajam Mengenai Kecacatan Hadis



Imam Al-Bukhari bukan sahaja diiktiraf di kalangan ahli hadis sebagai seorang yang terkenal sebagai penghafaz hadis, malahan beliau mahir dalam ilmu sanad hadis sama ada hadis itu sohih atau pun dhaif, dan juga mengetahui keadaan perawi hadis dari segi kejujuran dan kewarakannya.

Imam Al-Tirmizi ada membuat komentar tentang Imam Al-Bukhari katanya; Beliau tidak pernah melihat orang yang lebih alim dalam soal ilal (kecacatan sesuatu hadis) dan rijal (kejujuran seseorang perawi hadis) selain daripada Imam Al-Bukhari.

Al-Hafiz Ahmad bin Hamdun pula berkata: Beliau melihat Imam Al-Bukhari sedang mengiringi jenazah, dalam pada itu Muhammad bin Yahya Az-Zuhali bertanya kepadanya mengenai asma' dan ilal, ketika itu Imam Al-Bukhari menjawab dengan laju seperti beliau sedang membaca surah Al-Ikhlâs.

Imam Al-Bukhari menekankan: Beliau tidak pernah berbicara tentang satu-satu hadis sehingga dia mengetahui mana yang sohih dan mana yang tidak sohih; dia juga melihat pendapat ahli-ahli fikir (Al-Ra'yi) dan sebagainya: Beliau tidak mengambil sesuatu pandangan melainkan bersumberkan Al-Quran dan hadis.

Ketelitiannya Dalam Membuat Penilaian



Al-Hafiz berkata: Imam Al-Bukhari dalam membicarakan tentang perawi hadis begitu berhati-hati dan begitu teliti sekali. Ini dapat disaksikan oleh mereka yang mengamati hujahnya dalam soal (Al-jarhu wa Al-Ta'dil) iaitu dalam membuat penilaian kepada setiap perawi hadis mengikut kriteria yang ditetapkan oleh ulama hadis. Sedangkan kebanyakan daripada mereka tidak berbuat sedemikian.

Imam Al-Bukhari seorang yang sangat bertakwa. Dalam hubungan ini beliau berharap tidak mempunyai musuh di akhirat nanti. Ini kerana ada setengah golongan yang mengecam beliau mengenai kitabnya yang bernama Al-Tarikh Al-Kabir yang mengandungi kecaman kepada seseorang, tetapi beliau menjawab, beliau hanya menyampaikan berita sahaja dan bukan daripada tulisan beliau sendiri, kerana mengikut sabda Nabi SAW: Sejahtah-jahat orang ialah daripada kabilah Al'Asyirah.

Keprihatinannya Tentang Hadis



Warraqah (penulis kitab) mengatakan: Jika kamu bersama Imam Al-Bukhari dalam musafir, kami akan dikumpulkan dalam satu tempat – kecuali di Al-Qaidz – aku perhatikan Imam Al-Bukhari bangun sebanyak lima belas hingga dua puluh kali dalam satu malam. Setiap kali bangun, beliau membawa api ditangannya. Dengan menggunakan pelita itu beliau mengeluarkan hadis-hadis dan membuat penelitian mengenainya, kemudian beliau tidur semula, lalu aku bertanya kepadanya: Engkau melakukan ini semua dan engkau tidak mahu mengejutkan aku? Imam Al-Bukhari menjawab: Engkau masih muda, aku tidak mahu mengganggu tidurmu.

Warraqah menjelaskan lagi: Aku mendengar Imam Al-Bukhari berkata: Aku tidak dapat tidur semalaman sebelum aku dapat membilang berapa banyak hadis yang telah dapat aku susun, rupa-rupanya telah tersusun sebanyak dua ratus ribu hadis. Aku bertanya kepadanya: Adakah terdapat ubat untuk menghafaz? Imam Al-Bukhari menjawab: Aku tidak mengetahui sesuatu yang lebih bermanfaat untuk menghafaz selain daripada keinginan yang tinggi seseorang dan sentiasa meneliti dan berfikir.

Jihadnya Mencari Hadis

Imam Al-Bukhari dikurniakan sifat begitu cintakan Rasulullah SAW dan begitu tekun untuk mengumpulkan hadis. Lantaran itu ia memudahkan beliau untuk menghadapi segala cabaran dan halangan, sanggup berlajar dan bersusah payah demi mengumpulkan hadis, seolah-olah menjadi darah daging atau hidup dan matinya untuk hadis.

Warraqah menceritakan: Beliau mendengar Imam Al-Bukhari berkata: Aku keluar mengembara bersama Adam bin Abi Iyyas³³ tapi bantuan lambat diberikan kepadaku sehingga aku makan daun-daun sahaja, maka apabila sampai hari ketiga aku didatangi seorang lelaki yang aku tidak kenali, lalu memberikan kepadaku satu uncang yang mengandungi wang dinar.

Sifatnya

Imam Al-Bukhari seorang yang kurus tubuhnya, sederhana tidak begitu tinggi dan tidak begitu rendah orangnya. Beliau seorang yang zuhud, mewarisi harta yang banyak peninggalan ayahnya, tetapi hartanya banyak disedekahkan. Beliau tidak banyak makan, begitu pemurah sehingga dikatakan: Beliau cukup hanya memakan dua atau tiga biji buah badam sahaja.

³³ Guru Imam Al-Bukhari yang zuhud bernama Abu Al-Hassan Al-Kharasani Al-Maruzi Al-'Asqalani. Beliau merupakan seorang yang thiqah (dipercayai), dijamin dan banyak beribadah, dari kalangan hamba-hamba Allah yang pilihan, meninggal dunia tahun 220 Hijrah.

Zuhud dan Waraknya



Imam Al-Bukhari tidak pernah mengumpat seseorang semenjak beliau mengetahui mengumpat itu hukumnya haram. Katanya: Beliau berdoa kepada Allah semoga tidak menghisabnya sekiranya beliau terumpat seseorang.

Semasa Imam Al-Bukhari berada dirumahnya, datanglah seorang hamba dan mahu masuk ke rumahnya, tetapi pada ketika itu Imam Al-Bukhari sedang memegang bekas dakwat di kedua belah tangannya di hadapan pintu. Ini menyukarkan hamba tersebut untuk masuk ke dalam rumah. Ketika itu Imam Al-Bukhari mengambil tindakan memerdekakan hamba tersebut kerana zuhud dan berjiwa mulia.

Warraqah berkata: Pada suatu hari kami menunggang kenderaan pergi memanah, ketika itu kami di Faribar³⁴ kami ke tempat sasaran memanah, anak panah Imam Al-Bukhari tersasar dan merosakkan barangan kepunyaan Hamid bin Al-Ahdhar, menginsafi bahawa Imam Al-Bukhari telah merosakkan harta kepunyaan orang lain, maka beliau bersegera untuk mengganti barangan tersebut atau menggantikannya dengan wang, namun pemilik barang tersebut tidak memerlukan sebarang gantian, maka Imam Al-Bukhari yang merasa gembira dengan sikap Hamid tersebut telah membaca sebanyak lima ratus hadis pada hari itu dan bersedekah sebanyak tiga ratus dirham.

³⁴ Sebuah negeri antara Jihun dan Bukhara, di sana terdapat sebuah pondok tempat beribadat untuk mereka yang ingin mengabdikan diri kepada Allah, antara mereka termasuklah Imam Al-Bukhari. Dari tempat ini lahirlah beberapa orang ulama terkenal antaranya Al-Faribri periwayat Sohin Al-Bukhari.

Kegemarannya Membaca Al-Quran

Imam Al-Bukhari di setiap awal malam bulan Ramadan semua rakannya berkumpul bersama-sama untuk menunaikan solat beramai-ramai. Pada setiap rakaat dibacanya dua puluh ayat sehinggalah khatam Al-Quran. Pada waktu sahur pula, beliau membaca separuh hingga satu pertiga Al-Quran; dan dikhatamkan pada setiap tiga malam sekali, kadang dikhatamkan pada setiap hari sekali dan ada kalanya dikhatamkan sewaktu hampir berbuka. Beliau mengatakan: Setiap kali khatam disitulah doa amat dimakbulkan.

Ad-Darimi³⁵ berkata: Sekiranya Muhammad bin Ismail (Imam Al-Bukhari) membaca Al-Quran, hatinya, penglihatannya dan pendengarannya sentiasa memberikan tumpuan kepada Al-Quran. Beliau memikirkan perumpamaan-perumpamaan yang terdapat di dalam Al-Quran dan meneliti perkara-perkara yang mana halal dan yang mana haram.

Penghormatannya Terhadap Al-Quran

Warraqah mengatakan: Muhammad bin Ismail dijemput ke satu taman. Di sana beliau solat Zohor dan solat sunat. Apabila beliau selesai solat diangkatnya belakang bajunya dan berkata kepada sebahagian sahabat yang bersama-samanya: Lihatlah, adakah anda semua melihat di sebalik bajuku ini ada sesuatu? Rupa-rupanya tabuan telah menyengatnya di enam belas atau tujuh belas tempat di badannya, ini menyebabkan

³⁵ Abdullah bin Abdul Rahman bin Al-Fadl bin Bahram Al-Tamimi Ad-Darimi Al-Samarqandi, lahir pada tahun 181 Hijrah dan wafat pada tahun 255 Hijrah. Beliau merupakan penghafaz hadis, banyak mengembara ke beberapa buah negeri, beliau seorang yang bijak, dihormati, seorang ahli tafsir dan ahli fikah.

badannya bengkak-bengkak. Setengah sahabat bertanya kepadanya, kenapa tuan tidak membatalkan solat sebaik sahaja disengat tabuan? Beliau menjawab: Aku sedang membaca surah yang memang aku ingin menghabiskannya. Demikianlah yang disebutkan oleh Al-Qastolani. Manakala di dalam pengantar kitab Al-Fath dikatakan: Beliau disengat tabuan tujuh belas kali tanpa syak lagi.

Adab Sopannya Yang Baik Di Masjid



Al-Hafiz Abu Al-Fadl Ahmad bin Ali Al-Sulaimani Al-Baikandi berkata: Beliau mendengar Ali bin Muhammad bin Mansor mengatakan: Aku mendengar ayahku berkata: Ketika kami berada dalam satu majlis Imam Al-Bukhari, terdapat seorang yang membuang kotoran yang tersangkut dijanggutnya lalu dibuangnya ke lantai. Kemudian Imam Al-Bukhari mengambil kotoran tersebut dan memasukkan ke dalam satu bekas, selepas beliau keluar daripada masjid, beliau membuang kotoran tersebut, seolah-olah beliau mahu memelihara kesucian masjid daripada dicemari sebarang kotoran.

Kecekapannya Dalam Memanah



Imam Al-Bukhari telah mempelajari selok belok memanah dan memahirkannya. Warrakah berkata: Beliau banyak memanah dengan menunggang kenderaan. Aku tidak pernah melihat beliau tidak menepati sasaran sepanjang aku menemaninya kecuali dua kali sahaja, manakala bakinya semua tepat dan tidak ada yang tersasar. Tujuan mempelajari memanah jelasnya adalah untuk mempertahankan agama Islam dan memerangi orang-orang kafir yang mencero boh Negara Islam.

Difitnah

Imam Al-Bukhari pernah difitnah oleh mereka yang mempunyai perasaan hasad dengki kepadanya. Abu Ahmad bin Adiy menceritakan: Sekumpulan masyayikh (tok guru) memberitahu kepadaku bahawa Imam Al-Bukhari apabila sampai ke Naisabur beliau dikerumuni oleh orang ramai, yang menyebabkan setengah tok guru merasa iri hati dengannya. Ulama hadis ada yang mendakwa Imam Al-Bukhari pernah berkata: Bahawa Al-Quran itu makhluk. Maka diadakan satu perhimpunan mengenainya; Apabila Imam Al-Bukhari hadir ke perhimpunan itu, salah seorang bertanya mengenai Al-Quran, sama ada ia makhluk atau bukan makhluk? Lalu diajukan persoalan itu kepada Imam Al-Bukhari, beliau tidak menjawab, apabila ditanya sebanyak tiga kali, Imam Al-Bukhari menjawab: Al-Quran itu adalah kalam Allah bukan makhluk, perbuatan hamba adalah makhluk dan menyoal mengenainya dianggap bid'ah. Lelaki tersebut dengan emosi bertanya lagi, dikatakan: Bacaanku (lafzi) tentang Al-Quran itu makhluk. Imam Al-Bukhari menjawab: Pergerakan mereka, suara mereka, tulisan mereka kesemuanya adalah makhluk. Ada pun Al-Quran yang kekal di dalam mushaf dan yang menyentuh jiwa itu adalah kalam Allah bukan makhluk. Allah berfirman:

بَلْ هُوَ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ فِي صُدُورِ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ

Al-Quran tetap datangnya dari Allah dengan tidak syak lagi) bahkan ia ayat-ayat keterangan yang jelas nyata, yang terpelihara di dalam dada orang-orang yang berilmu.

Imam Al-Bukhari berkata: Abu Hamid bin Al-Syarqi mengatakan: Beliau mendengar daripada Muhammad bin

Yahya Al-Zahabi berkata: Al-Quran itu adalah kalam Allah bukan makhluk. Sesiapa yang mengatakan bacaanku tentang Al-Quran itu makhluk mereka telah membuat bid'ah tidak boleh duduk dan bercakap kepadanya. Sesiapa yang mendakwa dan menuduh Imam Al-Bukhari sedemikian, bermakna mereka tidak menghadiri majlis perbincangan tersebut.

Al-Hakim berkata: Apabila berlaku pertikaian antara Imam Al-Bukhari dengan Al-Zuhali dalam masalah lafaz (bacaan Al-Quran itu makhluk), orang ramai memulaukan Imam Al-Bukhari kecuali Imam Muslim bin Al-Hajjaj dan Ahmad bin Salamah.³⁶ Kata Al-Hakim Ahmad bin Salamah Al-Naisaburi menjelaskan: Ketika aku menemui Imam Al-Bukhari, aku menjelaskan kepadanya bahawa Al-Zuhali merupakan orang diterima pandangannya di Khurasan dan tidak boleh bertolak ansur. Maka dialah yang berkuasa membuat keputusan sehingga tidak ada seorang pun dari kalangan kami boleh berbincang dengannya, apa pendapatmu? Kata Al-Hakim, Imam Al-Bukhari memegang janggutnya kemudian berkata:

“Aku serahkan semua urusanku kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Melihat apa yang dilakukan oleh hamba-hambanya. Ya Allah, sesungguhnya Engkau mengetahui bahawa aku tidak berniat ke Naisabur untuk bermegah-megah dan bukan untuk merebut sebarang jawatan, tetapi aku terpaksa balik ke tanahairku untuk membetulkan mereka yang bercanggah dengan apa yang sebenar, sesungguhnya orang ini bertujuan hasad dengki kepadaku tentang apa yang Allah kurniakan kepadaku, bukan kerana yang lain”.

Kemudian Imam Al-Bukhari berkata kepadaku: ya Ahmad aku akan keluar esok pagi untuk menyelesaikan persoalan yang berbangkit. Al-Hakim menjelaskan bahawa Al-

³⁶ Ahmad bin Salamah ialah seorang yang hafiz dan menjadi hujjah di Naisaburi, beliau menemani Imam Muslim dalam pengembaraannya ke Balakh dan Basrah, belajar daripada Imam Al-Bukhari dan wafat tahun 286 Hijrah.

Hafiz Abdullah bin Al-Akhsam mengatakan: Apabila Muslim bin Al-Hajjaj dan Ahmad bin Salamah beredar daripada majlis Al-Zuhali disebabkan masalah Imam Al-Bukhari itu, Al-Zuhali memberi amaran kepada mereka Jangan dibenarkan lelaki ini (Imam Al-Bukhari) berada di Naisabur. Imam Al-Bukhari merasa terkilan dan keluar dari negeri Naisabur.

Abu 'Amru Ahmad bin Nasr Al-Naisaburi menceritakan: Aku menemui Imam Al-Bukhari dan mengatakan kepadanya: Ya Abu Abdullah, di sini ada dikalangan mereka yang mendakwa engkau mengatakan: Bacaan Al-Quran itu makhluk, lalu Imam Al-Bukhari menjelaskan: Ya Aba Amru, dengar baik-baik apa yang aku katakan: Sesiapa yang mendakwa dari kalangan penduduk Al-Naisabur bahawa aku mengatakan: Bacaan Al-Quran itu makhluk, dia merupakan seorang pembohong, aku tidak pernah mengatakan sedemikian, apa yang pernah aku katakan ialah: Perbuatan seorang hamba itu adalah makhluk.

Kembali Ke Bukhara



Imam Al-Bukhari akhirnya keluar daripada Al-Naisabur kembali ke negara asalnya Bukhara, di sana beliau disambut oleh penduduk Bukhara dengan sambutan yang meriah dan hangat sekali. Al-Qastolani berkata: Bagaikan sirih pulang ke gagang; di sana beliau disambut oleh penduduk Bukhara sehingga tidak dapat digambarkan, ketibaannya ditaburkan dengan dirham dan dinar. Beliau berada di sana beberapa ketika mengajar hadis di masjid Bukhara, lalu diminta oleh raja Bukhara bernama Khalid bin Ahmad³⁷ supaya Imam Al-Bukhari datang ke istana untuk mengajar kitab Al-Tarikh dan Al-Jami' kepada anak-anaknya, tetapi Imam Al-Bukhari menolak titah tersebut dengan alasan beliau tidak mahu mengajar hadis hanya kepada golongan tertentu sahaja. Lantaran itu, Khalid telah meminta bantuan daripada Harith bin Abi Al-Qarqa' dan lainnya daripada kalangan penduduk Bukhara supaya mereka dapat menjelaskan pegangan Imam Al-Bukhari. Ini menyebabkan Imam Al-Bukhari dihalau daripada negeri itu³⁸, lalu Imam Al-Bukhari berdoa dengan katanya:

Ya Allah tunjukkan kepadaku apa yang mereka hasratkan dalam hati mereka, anak pinak mereka dan keluarga mereka daripadaku.

³⁷ Khalid bin Ahmad bin Khalid Al-Sadusi Al-Zuhali. Beliau merupakan seorang raja di zaman pemerintahan Bani Abasiyah, pernah memerintah di Khurasan kemudian di Bukhara. Beliau alim dalam hadis ini yang menyebabkan beliau mengambil tindakan apa yang berlaku di Bukhara, beliau wafat di dalam penjara di zaman Khalifah Al-Mu'tamid Al-Abasi tahun 269 Hijrah.

³⁸ Berusaha menghalau pendakwah kepada kebenaran daripada negeri mereka, seperti apa yang diwarisi oleh pemimpin yang tidak berjaksana daripada bapa mereka. (Adakah kamu berpesan-pesan dengan kebenaran sedangkan mereka merupakan kaum yang derhaka). (Kamu dihalau dariapa kampung halaman kamu sedangkan kamu adalah orang-orang yang menyucikan diri).

Imam Al-Bukhari menjelaskan: Bahawa Khalid telah memberi tempoh kepada beliau supaya datang ke istana mengadapnya dalam tempoh kurang daripada sebulan untuk menjelaskan apa yang dititahkannya itu. Maka beliau tidak mengindahkan titah tersebut dan akibatnya beliau dihukum penjara.

Adapun Harith diuji dengan diseksa keluarganya, yang lain pula diuji dengan menyeksa anak-anaknya. Begitulah ujian yang berlaku daripada peristiwa tersebut.

Kata Al-Nawawi, yang diriwayatkan daripada Bakar bin Munir menjelaskan: Beliau diperintahkan oleh Raja Khalid bin Ahmad Al-Zuhali, Pemerintah Bukhara untuk membawakan kitab Al-Jami' dan Al-Tarikh karangan Imam Al-Bukhari kepadanya untuk mengetahui isi kandungannya. Imam Al-Bukhari menjelaskan kepada utusan Raja Khalid: Beliau tidak mahu menghina ilmu pengetahuan dan beliau tidak mahu membawa ke rumah orang, sekiranya ada sesiapa yang memerlukan atau mempunyai hajat untuk mengetahui isi kandungan kitab tersebut, maka dimintanya supaya datang ke masjid atau datang ke rumahnya.

Manakala riwayat selain daripada Ibnu Munir mengatakan: Beliau mengutuskan utusan menjemput Imam Al-Bukhari mengajar kitab-kitab itu kepada anak-anaknya tanpa dihadiri oleh orang lain lalu ditolak jemputan itu dengan alasan beliau tidak mahu mengajar hanya untuk golongan tertentu sahaja.

Beginilah terdapat dua riwayat yang diriwayatkan oleh para ulama. Kedua-duanya tidak ada percanggahan. Apa yang jelas bahawa raja mengutuskan utusan buat kali pertama, manakala Imam Al-Bukhari tidak bersetuju, lalu mengutus utusan kali kedua, Imam Al-Bukhari juga menolak jemputannya lalu beliau dihalau daripada negeri itu.

Kewafatannya

Apabila Imam Al-Bukhari keluar dari Bukhara, penduduk Samarkand telah mengutus surat untuk meminta beliau tinggal di negeri mereka, lalu Imam Al-Bukhari menuju ke sana. Apabila sampai ke kampung Khartank, disampaikan kepadanya berita berlakunya perselisihan sesama penduduk disebabkan kedatangannya itu, satu golongan mahukan beliau tinggal di Samarkand dan ada golongan yang tidak menyukainya. Beliau berhenti di situ sehingga keadaan menjadi tenang. Pada satu malam berlakulah keadaan yang mencemaskan, lalu beliau berdoa setelah selesai solat malam: Ya Allah, aku merasa begitu sempit rasanya dunia ini, jemputlah aku menemuiMu ya Allah, lalu Imam Al-Bukhari wafat pada bulan itu juga.

Dalam hubungan ini Al-Qastolani menceritakan: Manakala Imam Al-Bukhari sampai ke Khartank iaitu lebih kurang dua farsakh (lebih kurang lapan batu) daripada Samarkand, beliau dimaklumkan tentang berlakunya fitnah sesama mereka disebabkan kehadirannya itu. Beliau mempunyai kaum kerabat di Samarkan, lalu beliau tinggal di sana sehingga keadaan menjadi tenang. Beliau menetap beberapa hari, lalu beliau dihidapi penyakit yang menyebabkan penduduk Samarkand mengutus orang meminta Imam Al-Bukhari tinggal di sana, lalu diperkenankan dan bersedia untuk menunggang kenderaan dengan memakai kopiah dan sereban. Apabila beliau berjalan kadar dua puluh langkah menuju ke kenderaannya, beliau meminta pertolongan kerana terlalu lemah untuk berjalan, lalu diberikan pertolongan dengan didudukkan. Ketika itu peluhnya mengalir begitu banyak tidak dapat digambarkan, apabila peluhnya berhenti beliau terus menghembuskan nafasnya yang terakhir.

Beliau wafat pada malam Sabtu ketika solat Isyak di malam Aidilfitri, jenazahnya disemadikan selepas solat Zohor semasa umurnya enam puluh dua (62) tahun kurang tiga belas (13) hari.

Al-Hafiz berkata, Warraqah menjelaskan, beliau mendengar Ghalib bin Jibril – tempat disemadikan Imam Al-Bukhari – manakala kami letakkan jasadnya di tempat persemadiannya, terkeluarlah dari tanah perkuburannya bau yang harum semerbak bagaikan bau kasturi, ini berlanjutan beberapa hari, menyebabkan orang ramai datang menziarahi kuburnya beberapa hari untuk mengambil tanah sehingga kuburnya menjadi semacam berlubang.

Al-Karmani³⁹ pula menjelaskan: Ketika Imam Al-Bukhari dikebumikan, semerbak bau wangi bagaikan kasturi keluar daripada tanah perkuburnya. Di langit pula nampak satu bentuk lengkungan membujur bertentangan dengan kubur. Mereka semua mengambil berkat tanah kubur itu sehingga nampak semacam berlubang, di sana tidak ada pengawal keselamatan hanya diletakkan kayu bertindih di atas kubur. Walaupun begitu mereka yang datang masih mengambil tanah di tepi kubur itu, kerana bau harum di kubur itu berlaku beberapa lama hingga diketahui oleh semua penduduk di negeri itu.

³⁹ Muhammad bin Yusof bin Ali bin Said Syamsuddin Al-Karmani, dilahirkan di Karman pada tahun 717 Hijrah dan wafat pada tahun 786 Hijrah. Beliau seorang yang alim dalam ilmu hadis, terkenal di Baghdad dan berbakti menyebarkan ilmu di sana selama tiga puluh tahun lamanya. Menyusun kitab Al-Kawakib Ad-Darari fi Syarh Sohih Al-Bukhari dan lain-lain lagi. Walaupun begitu Ibn Kadi Syuhbah mengatakan: Kitabnya terdapat banyak keraguan dan berulang-ulang khasnya dalam menentukan nama-nama perawi hadis.

Kedudukan Yang Hebat Tentang Imam Al-Bukhari



Al-Hafiz menceritakan daripada Al-Khatib dengan sanadnya daripada Abdul Wahid bin Adam, beliau menceritakan: Aku bermimpi melihat Nabi SAW bersama-sama dengan sekumpulan para sahabatnya sedang duduk di suatu tempat, aku mengucap salam kepada baginda dan dijawabnya salamku itu. Aku bertanya kepada baginda: Kenapa duduk di sini ya Rasulullah? Sabda baginda: Aku menunggu Muhammad bin Ismail (Imam Al-Bukhari). Dia menjelaskan lagi, setelah beberapa hari sampailah berita kematiannya kepadaku, bila aku selidiki, rupa-rupanya beliau wafat pada malam aku bermimpi bertemu dengan Rasulullah SAW itu.

Al-Qastolani pula menjelaskan: Apabila ada tanda-tanda tertentu selepas beliau wafat, para penentangannya telah pergi ke kuburnya lalu menzahirkan penyesalan dan bertaubat kembali kepada Allah SWT.

Manakala Al-Firbari berkata: Aku bermimpi berjumpa dengan Nabi SAW, baginda bertanya kepadaku: Apa yang kamu mahukan? Aku menjawab: Aku mahukan Muhammad bin Ismail, baginda bersabda lagi: Kirimkan salamku kepadanya.

Pujian Imam Al-Nawawi Terhadapnya



Imam Al-Nawawi dalam kitab Al-Tahzib setelah menyebutkan sesuatu dalam kata-kata aluannya mengatakan: Ungkapan ini sebagai penghargaan mengenai pribadi dan sifatnya, kesempurnaan peribadinya bagaikan permata yang aku tujukan kepadanya kerana ia dikenal dan diketahui umum. Puji-pujian kepadanya tidak terhingga kerana terkeluar daripada kebiasaan; iaitu mencakup pelbagai bidang seperti hafazan dan dirayah (pengetahuan mengenai hadis), ijtihadnya untuk mendapatkan hadis, periwayat, sumbangan bakti, manfaat yang diperolehi, kewarakan, kezuhudan, pemerhatian dan ketekunan, kesungguhan, kemantapan dan kemurahan, perkembangan dan kemuliaan dan lain-lain bentuk kemuliaan yang dimilikinya.

Membuktikan apa yang aku ungkapkan itu ialah pendapat tokoh-tokoh ilmuan Islam kerana beliau mempunyai kedudukan yang tinggi, warak, mantap pegangan agamanya, penghafaz hadis serta menjadi pengkritik yang berwibawa, tidak menggunakan bahasa yang meleret-leret malahan membuat penelitian dan kajian yang tepat, menjaga ketulenan dengan begitu rapi sekali. Pendapatnya tidak statik dan apa yang aku ungkapkan itu dapat dibuktikan oleh mereka yang mahu melihat kenyataan. Semoga beliau reda dan Allah meredhainya, semoga kita dapat berhimpun bersama-sama dan mereka yang kita kasih di akhirat bersama mereka yang dipilihnya, serta memberikan ganjaran kepada semua orang Islam dengan sebaik-baik ganjaran.

Kitab Karanganya



Al-Qastolani dalam kitab Al-Mukadimah menjelaskan: Kitab karangannya tidak terkira banyaknya dan yang paling hebat dan terkemuka ialah:

1. Al-Jami' Al-Sohih
2. Al-Adab Al-Mufrad
3. Raf'ul Yadaini Fis Solah
4. Al-Qiraah Khalfal Imam
5. Birrul Walidain
6. Al-Tarikh Al-Kabir
7. Al-Aushat
8. Al-Shoghir
9. Khalqu Af'alil Ibad
10. Al-Dhu'afa'
11. Al-Musnad Al-Kabir
12. Al-Tafsir Al-Kabir
13. Al-Asyribah
14. Al-Hibbah
15. Asami Al-Sohabah
16. Al-Wihdan
17. Al-Mabsuth
18. Al-'Ilal
19. Al-Kunni
20. Al-Fawaid
21. Qadaya Al-Sohabah.

Kitab-kitab di atas setengahnya masih ada lagi sama ada dalam bentuk cetakan atau dalam tulisan tangan, setengahnya pula diketahui melalui kajian yang disebutkan oleh ahli-ahli dalam bidang tersebut yang menukil daripada Imam Al-Bukhari.

ISTILAH-ISTILAH 'ULUM AL-HADIS

Bila kita membicarakan tentang hadis, di sana terdapat istilah-istilah hadis yang perlu diketahui makna dan tujuannya supaya kita tidak keliru dalam memahami maksud sebenar. Untuk tujuan ini, penyusun ingin berfungsi dengan pembaca mengenai perkara tersebut. Antara istilah yang digunakan dalam membicarakan hadis sebagaimana yang dijelaskan oleh Prof. Dr. Muhammad Abu Laith al-Khair⁴⁰ adalah seperti berikut:

1. Hadis atau Sunnah :
ialah apa sahaja yang disandarkan kepada Rasulullah SAW dari segi perkataan, perbuatan, pengakuan, sifat-sifat jasmani dan akhlak perbuatannya sama ada sebelum diutuskan menjadi Rasul ataupun selepasnya.
2. Athar :
ialah lebih umum daripada hadis. Ia meliputi apa sahaja yang bersumberkan daripada Nabi SAW atau selainnya daripada sahabat dan tabi'in.
3. Matan :
ialah apa yang dijelaskan selepas "sanad".
4. Sanad :
ialah perkhabaran tentang jalan yang mengandungi senarai perawi untuk memberitahu tentang "matan".
5. Isnad :
Memiliki dua makna. Makna yang pertama sama seperti sanad. Makna yang kedua ialah mengangkat satu hadis kepada orang yang mengatakannya.
6. Musnad :

⁴⁰ Abadi, Prof. Dr. Muhammad Abu Laith al-Khair. 2009. 'Ulum al-Hadith Usuluha Wa Ma'asiriha. Bangi: Darul Syakir.

lalah Kitab yang menghimpunkan hadis-hadis menggunakan kaedah nama sahabat.

7. Musnid :
lalah gelaran yang dinisbahkan kepada sesiapa yang meriwayatkan hadis-hadis dengan sanadnya sendiri.
8. Al-Muhaddith :
lalah gelaran yang diberikan kepada orang yang memenuhkan hidupnya dengan hadis-hadis Nabi.
9. Al-Hafiz :
lalah gelaran yang diberikan kepada al-Muhaddis yang mengetahui secara lengkap sesuatu hadis dari segi sanad, matan, hal ehwal perawinya dan sejarah hadis tersebut melebihi 100 ribu hadis.
10. Al-Hujjah :
lalah gelaran yang diberikan kepada al-Hafiz iaitu mereka yang telah mencapai tahap penghafazan, pengukuhan dan penghayatan terhadap sanad dan matan hadis sehingga hadis tersebut boleh dijadikan hujjah bagi manusia. Orang yang diberikan gelaran al-hujjah ini telah mengetahui secara 'alim 300 ribu hadis.
11. Al-Hakim :
lalah gelaran yang diberikan kepada sesiapa yang telah mencapai ilmunya keseluruhan hadis yang diriwayatkannya dari segi matan, sanad, ilmu jarh dan ta'dil, takhrij dan kelemahan sesebuah hadis, nasikh dan mansukh, percanggahan yang berlaku dalam hadis dan bagaimana untuk menanganinya dan sebagainya.
12. Amir al-Mukminin Fil Hadis :
lalah gelaran tertinggi yang diberikan kepada sesiapa yang sempurna penghafazan, pengukuhan dan penghayatan pada ilmu hadis dan ilmu 'ilal daripada semua segi.

13. Sahabat :
lalah sesiapa yang pernah bertemu dengan Nabi Muhammad SAW dan beriman dengannya, dan mati sebagai seorang Islam, walaupun pertemuan tersebut adalah sebentar sahaja.
14. Tabi'in :
lalah sesiapa yang pernah bertemu dengan seorang atau lebih daripada sahabat dan keadaannya pada ketika itu adalah Islam dan mati sebagai seorang Islam.
15. Tabi' al-Tabi'in :
lalah sesiapa yang pernah bertemu dengan seorang atau lebih tabi'in dan keadaannya pada ketika itu adalah Islam dan mati sebagai seorang Islam.
16. Riwayat :
lalah berpindahnya satu hadis dengan sanadnya kepada sesiapa yang mengambil hadis tersebut dengan lafaz yang nyata seperti "haddathana" atau "Akhbarana" atau "Sami'tu" atau "An" atau sebagainya.
17. Al-Rawi :
lalah orang yang memindahkan sesuatu hadis atau Athar dengan sanadnya kepada perhentian keduanya.
18. Al-Marwi :
lalah Hadis atau Athar yang dipindahkan oleh perawi berserta sanadnya.
19. Hadis Qudsi :
lalah apa yang disandarkan padanya Rasulullah SAW secara perkataan kepada Allah SWT dengan kata-kata yang jelas seperti " " atau "يقول الله" atau sebagainya.
20. Al-Marfu' :
lalah apa yang disandarkan kepada Nabi SAW dari segi perkataan atau perbuatan atau pengakuan atau sifat kejadiannya atau akhlakunya samada bersifat secara muttasil (bersambung) atau munqati' (terputus).

21. Al-Mauquf :
ialah apa yang disandarkan kepada sahabat dari segi perkataan, perbuatan, pengakuan, sifat kejadian atau akhlak Nabi SAW. Dinamakan mauquf kerana rangkaian perawi terhenti pada sahabat.
22. Al-Maqtu' :
ialah apa yang disandarkan kepada tabi'in atau orang yang selepasnya dari segi perkataan atau perbuatan atau pengakuan atau sifat Nabi SAW.
23. Al-Mutawatir :
ialah hadis yang diriwayatkan oleh sebilangan besar daripada setiap peringkat sanad, yang bilangan tersebut dianggap mustahil secara adat untuk mereka bersepakat bagi mendustakan hadis tersebut.
24. Al-Ahad : ialah hadis yang tidak mencapai taraf mutawatir.
25. Al-Gharib :
ialah seorang perawi yang bersendirian atau berseorangan meriwayatkan sebuah hadis pada mana-mana tahap sanad.
26. Al-'Aziz :
ialah tidak kurang dua orang perawi pada setiap tahap sanad meriwayatkan hadis berkenaan.
27. Al-Masyhur :
ialah tidak kurang daripada tiga orang perawi yang meriwayatkan hadis berkenaan pada keseluruhan tahap sanad atau sebahagian tahap sanad.
28. Sohih Lizatihi :
ialah Hadis yang bersambung sanadnya yang memenuhi lima syarat berikut iaitu bersambung sanadnya, 'adil perawinya, sempurna dhobitnya, selamat daripada syaz dan selamat daripada 'illah. Orang yang terhimpun padanya sifat 'adil dan dhobit digelar sebagai thiqah.

29. **Sohih Ligahirihi :**
lalah hadis yang asalnya Hasan Lizatihi tetapi dinaikkan taraf disebabkan ada jalan sanad lain atau jalan-jalan sanad yang lebih kuat daripada sanad pertama.
30. **Hasan Lizatihi :**
lalah hadis yang bersambung sanadnya daripada awal hingga akhirnya tetapi tidak sempurna syarat hadis Sohih dari segi kurangnya dhobit perawi tersebut.
31. **Hasan Lighairihi :**
lalah hadis yang asalnya Dhoif yang ringan diperkuatkan dengan berbilangnya jalan sanad atau ditemui jalan sanad baru yang lebih kuat daripada sanad asal.
32. **Dhoif :**
lalah hadis yang tidak memenuhi syarat hadis sohih. Dibahagikan kepada dua iaitu Dhoif Khafif iaitu dhoif yang ringan yang boleh dinaiktaraf seperti Mu'allaq, al-Mursal, al-Mu'dhol, al-Munqoti', al-Mudallas, al-Mursal Khofi, Hadis Majhul hal, Hadis Majhul, Hadis Mubham, Hadis al-Mukhtolid dan Hadis al-Mutalaqqin. Dho'if Syadid iaitu dhoif yang tidak boleh dinaiktaraf seperti hadis Maudhu', Hadis al-Matruk, Hadis al-Munkar, al-Mudarraaj, al-Maqlub, al-Mudthorib, al-Musohhaf, al-Muharraf dan Hadis al-Ma'lul.
33. **Al-Mu'allaq :**
lalah hadis yang dibuang pada awal sanadnya seorang atau lebih, atau keseluruhan perawi.
34. **Al-Mursal :**
lalah hadis yang terputus diakhir sanadnya sesiapa selepas tabi'in.
35. **Al-Mu'dhol :**

lalah hadis yang terputus daripada sanadnya dua orang atau lebih perawi secara berturut-turut sama ada pada awal, pertengahan atau akhir sanad.

36. Al-Munqoti' :
lalah hadis yang terputus pada pertengahan sanadnya seorang, dua atau lebih perawi secara tidak berturut-turut.
37. Al-Mudallas :
lalah hadis yang ditemui jenayah didalamnya iaitu disembunyikan perawi yang 'aib.
38. Al-Mursal Khafi :
lalah apa yang diriwayatkan oleh perawi daripada seorang perawi yang sezaman dengannya tetapi tidak pernah berjumpa dengannya, ataupun pernah berjumpa tetapi tidak pernah meriwayatkan apa-apa daripadanya.
39. Al-Maudu' :
lalah apaapa yang direka dan disandarkan kepada Nabi SAW atau selainnya dari segi perkataan, perbuatan, pengakuan atau sifat secara dusta.
40. Al-Matruk :
lalah hadis yang memiliki perawi yang dituduh sebagai pendusta atau fasik.
41. Hadis Majhul :
lalah hadis yang dalam sanadnya ada perawi yang tidak diketahui siapa perawi tersebut dan bagaimana hal keadaannya.
42. Hadis Mubham :
lalah hadis yang pada sanadnya tidak jelas nama perawi tersebut, atau jika dijelaskan tidak diketahui nasabnya atau gelarannya atau panggilannya.

43. Al-Munkar :
lalah perawi yang dhoif meriwayatkan hadis yang berlawanan dengan hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang thiqah.
44. Al-Syaz :
lalah perawi yang thiqah yang meriwayatkan hadis yang berlawanan dengan hadis yang diriwayatkan oleh orang yang lebih thiqah daripadanya atau keseluruhan daripada orang yang thiqah.
45. Al-Mudraj :
lalah apa yang dimasukkan pada sanadnya atau matannya apa yang tiada padanya dengan jalan yang diragui.
46. Al-Maqlub :
lalah apa yang berlaku pada sanad atau matannya pertukaran sama ada diawalkan atau diakhirkan.
47. Al-Mudthorib :
lalah hadis yang diriwayatkan daripada pelbagai jalan sanad, memiliki sama kekuatan, yang akhirnya tidak mungkin untuk digabungkan atau ditarjih salah satu hadis tersebut.
48. Al-Musohhaf :
lalah perubahan pada tanda noktah tetapi kekal wajah tulisannya.
49. Al-Muharrof :
lalah perubahan pada baris tetapi kekal wajah tulisannya.
50. Mukhtolit :
lalah hadis yang pada sanadnya ada perawi yang lemah hafalannya.
51. Al-Ma'lul :
lalah hadiith yang timbul padanya kecacatan yang boleh merosakkan kesohihannya.

RUJUKAN

1. Irsyad Al-Sari Ila Syarh Al-Bukhari, Al-Qostholani.
2. Ithaf Al-Nubala' Al-Muttaqin bi Ihya'i Ma aathiri Al-Fuqaha'i wa Al-Muhaddisin. Amir Siddiq Hasan Khan.
3. Al-Irsyad ila Muhimmat Al-Isnad, Al-Syeikh Al-Imam Waliyullah Al-Dahlawi.
4. Abjad Al-Ulum, Amir Siddiq Hasan Khan.
5. Al-Abwab wa Al-Tarajim li Al-Bukhari, Al-Allamah Muhammad Zakaria Al-Kandahlawi.
6. Al-Abwab wa Al-Tarajim, Maulana Syeikh Al-Hind Mahmud Al-Hasan.
7. Al-A'lam (kamus riwayat hidup), Khairuddin Al-Zarkali.
8. Bustan Al-Muhaddisin, Syeikh Al-Muhaddis Abdul Aziz Al-Dahlawi.
9. Al-Tarikh Al-Kabir, Imam Al-Bukhari.
10. Taujih Al-Nazar fi Usuli Ahli Al-Athar, Syeikh Tahir Al-Jazairi.
11. Tadrib Al-Rawi, Al-Suyuthi.
12. Tazkirah Al-Huffaz, Ibn Hajar Al-'Asqalani.
13. Tahzib Al-Tahzib, Al-Hafiz Ibn Hajar 'Asqalani.
14. Ta'liq Al-Sindi 'Ala Al-Jami' Al-Sohih, Imam Al-Bukhari.
15. Al-Tabarru Al-Masbuk, Al-Hafiz Al-Sakhawi.
16. Al-Thaqafah Al-Islamiah fi Al-Hindi, Maulana Abdul Haiy Al-Kahnu'i.
17. Al-Jami' Al-Sohih, Imam Al-Bukhari.
18. Al-Hitthah Bizikri Al-Shohhah Al-Sunnah, Amir Siddiq Hasan Khan.
19. Hujatullah Al-Balighah, Al-Syeikh Al-Imam Waliyullah Al-Dahlawi.

20. Husnu Al-Muhadharah fi Akhbar Misr wa Al-Kahirah, Al-Hafiz Al-Suyuthi.
21. Al-Durar Al-Kaminah fi A'yani Al-Mi'ah Al-Thaminah, Al-Hafiz Ibn Hajar Al-'Asqalani.
22. Dzuyul Tazkirah Al-Huffaz, Al-Allamah Al-Kauthari.
23. Ruh Al-Tausyikh 'ala Al-Jami' Al-Sohih, Al-Suyuthi.
24. Syarh Al-Jami' Al-Sohih, Al-Imam Al-Nawawi.
25. Syarah Tarajim Abwab Al-Bukhari, Al-Syeikh Waliyullah Al-Dahlawi.
26. Syurut Al-A'immah Al-Sittah, Al-Hafiz Al-Maqdisi.
27. Syurut Al-A'immah Al-Khamsah, Al-Hafiz Abi Bakr Al-Hazimi.
28. Al-Dhau' Al-Lami' fi A'yan Al-Qarn Al-Tasi', Al-Hafiz Al-Sakhawi.
29. Tobaqat Al-Huffaz, Al-Huffaz Al-Suyuthi.
30. 'Umdah Al-Qari, Al-Hafiz Badruddin Al-'Aini.
31. Faidh Al-Bari 'ala Sohih Al-Bukhari, Al-Syeikh Al-Allamah Muhammad Anwar Al-Kasymiri.
32. Fi Rihab Al-Sunnah, Dr. Muhammad Muhammad Abu Syuhbah.
33. Al-Kawakib Al-Darari, Al-Karmani.
34. Kitab Al-Ansab, Al-Sam'ani.
35. Kasyf Al-Dzunun, Al-Mula Katib Jalabi.
36. Muqadimah Al-Jami' Al-Sohih; Huda Al-Sari, Al-Hafiz Ibn Hajar Al-'Asqalani.
37. Muqadimah Aujaz Al-Masalik, Al-Muhaddis Al-'Allamah Al-Syeikh Muhammad Zakaria Al-Kandahlawi.
38. Miftah Al-Sa'adah, Thasy Kubra Zadah.
39. Ma Tamussu Ilaihi Al-Haajah Liman Yuridu An Yuthooli'a Sunan Ibn Majah, Maulaan Abdul Rasyid Al-Nu'mani.
40. Muqadimah Lami' Al-Darari, Al-Muhaddis Al-'Allamah Muhammad Zakaria.

41. Al-Muhaddisun Al-'Idzam, Dr. Taqiyuddin An-Nadawi Al-Madzahiri.
42. Al-Mustadrak, Al-Hakim Abi Abdullah Al-Naisaburi.
43. Nibras Al-Sari fi Athrof Al-Bukhari, Maulana Sa'id Ibn Abdul Aziz.
44. Wafayat Al-A'yan, Ibn Khallikan.
45. Hamisy Lahdzi Al-Ilhadz, Ibn Fahad.
46. Al-Yani' Al-Janiy li Asanid Al-Syeikh Abdul Ghani, Muhammad bin Yahya Al-Furnawi Al-Tarahti.